



LAPORAN TAHUNAN 2025

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-31



LAPORAN KEMAJUAN BAGI PROGRAM & AKTIVITI TAHUN 2025

- ❖ Keahlian Persatuan
- ❖ Penglibatan Bersama Ahli
- ❖ Penglibatan Bersama Industri
- ❖ Program Kerjasama
- ❖ Pengurusan Acara
- ❖ Program Latihan
- ❖ Sokongan Keahlian
- ❖ Pengiklanan, Publisiti & Penerbitan
- ❖ Tadbir Urus Korporat
- ❖ Kalendar Aktiviti MFA Tahun 2025

KEAHLIAN PERSATUAN

Keahlian Berdaftar

Sehingga 31 Disember 2025, MFA mempunyai sebanyak 276 keahlian berdaftar yang terdiri daripada 177 Ahli Biasa, 91 Ahli Bersekutu, satu (1) Ahli Bergabung, empat (4) Ahli Antarabangsa dan tiga (3) ahli di bawah kategori lain. Komposisi keahlian MFA merangkumi francaisor, francais induk, francais, institusi sokongan, bakal francaisor, bakal francais, pelajar serta organisasi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan industri francais.

Walaupun jumlah keahlian berdaftar pada tahun 2025 menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya, pengurangan ini adalah hasil daripada pelaksanaan Program Pemutihan Keahlian yang dilaksanakan secara menyeluruh bagi memperkukuh integriti data keahlian, meningkatkan pematuhan terhadap syarat keahlian serta memastikan hanya ahli yang sah, aktif dan berkualiti kekal berdaftar dengan Persatuan.

Program pemutihan ini telah dilaksanakan secara berperingkat oleh Jawatankuasa Kecil Pendaftaran & Etika bersama Jawatankuasa Kewangan bermula pada suku pertama tahun 2025. Sebanyak 301 surat penggantungan keahlian telah dikeluarkan kepada ahli yang memenuhi kriteria penggantungan berdasarkan rekod keahlian dan pematuhan yang ditetapkan. Hasil daripada proses semakan tersebut, seramai 175 ahli telah ditamatkan sepenuhnya, manakala 126 ahli ditamatkan tanpa dilepaskan berikutan masih mempunyai tunggakan kewangan dengan Persatuan.

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh tadbir urus dan pematuhan kepada perundangan industri francais, Jawatankuasa Kecil Pendaftaran & Etika turut melaksanakan proses semakan dan penyelarasan status Ahli Biasa yang terdiri daripada Francaisor, Francaisi Induk dan Francaisi pada Disember 2025. Proses ini melibatkan 158 ahli dan dilaksanakan melalui semakan silang dengan sistem MyFEX 2.0 serta rekod rasmi Pendaftar Francais bagi memastikan pematuhan kepada Akta Francais 1998 (Pindaan 2020).

Sehingga Mac 2026, hasil semakan mendapati sebanyak 105 ahli telah berdaftar dengan MyFEX 2.0, dua (2) ahli memaklumkan bahawa mereka tidak lagi terlibat dalam aktiviti francais dan memilih untuk tidak meneruskan pendaftaran, manakala 61 ahli masih dalam proses pematuhan dan pengemaskinian status pendaftaran. Selain itu, MFA turut melaksanakan proses penyelarasan dan pengesahan wakil sah syarikat bermula Jun 2025 bagi memastikan setiap wakil yang direkodkan oleh Persatuan merupakan individu yang diberi kuasa oleh organisasi masing-masing serta memenuhi keperluan dan garis panduan keahlian yang berkuat kuasa.

Usaha pemutihan dan pengesahan data ini akan diteruskan pada tahun 2026 selaras dengan pelaksanaan Undang-Undang Tubuh MFA (Pindaan 2025) sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan Persatuan dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan ketepatan data keahlian serta memastikan pematuhan terhadap keperluan perundangan dan peraturan yang berkaitan.

Keahlian Ahli Baharu

Sepanjang tahun 2025, MFA telah meluluskan sebanyak 25 keahlian baharu yang terdiri daripada francaisor, bakal francaisor dan institusi sokongan. Penyertaan berterusan daripada pelbagai kategori ini mencerminkan keyakinan industri terhadap peranan MFA sebagai platform pembangunan, jaringan dan sokongan kepada industri francais.

Bagi menyokong pertumbuhan keahlian, MFA telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti promosi keahlian melalui sesi libat urus, lawatan syarikat, taklimat secara fizikal dan dalam talian, penyertaan dalam program industri serta pendekatan proaktif kepada syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Francais dan peserta program anjuran MFA.

Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan memperluas keahlian Persatuan, malah meningkatkan kesedaran mengenai manfaat keahlian, peluang jaringan industri, program pembangunan kapasiti dan pelbagai perkhidmatan sokongan yang disediakan oleh MFA kepada ahlinya. Syarikat yang berdaftar sepanjang tahun 2025 adalah seperti berikut:

Ahli Biasa

- Dommal Food Services Sdn Bhd (Dominos)
- Genesis BBQ Chicken (M) Sdn Bhd (bb.q Chicken)
- Halabo Sdn Bhd (Ha'labo)
- MK Textiles Holdings Sdn Bhd (MK Curtain)
- Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)
- Sribhagawan Innovation Group (Yelaoshar)
- Sun Shine Educational Group (M) Sdn Bhd (Sunshine Kids)
- TMK Industries Sdn Bhd (Tinted Magic Kajang)

Ahli Bersekutu

- Aqran Vijandran (Aqran Vijandran)
- ATS Armani Development Sdn. Bhd. (Armani Group)
- EBI Software Sdn Bhd (EBI Software)
- Galaxy Asia Global Holdings Sdn Bhd Fantasy Bakery)

- King's Park Development Sdn Bhd (King's Park)
- Messrs Naim, Sa'eed & Afiqah (Messrs Naim, Sa'eed & Afiqah)
- Mihara Sdn Bhd (Mihara Coffee & Eatery)
- MyFranchiseGuide (MyFranchiseGuide)
- Nik Saghir & Ismail (Nik Saghir & Ismail)
- Positano Risto Sdn Bhd (Positano Risto)
- Rahilah Camel Groups (M) Sdn Bhd (Red Camel Academy)
- Seruni Global Sdn Bhd (Kopi Saigon)
- Skill Solutions Sdn Bhd (Skill Solutions)
- Sunpia Group Sdn Bhd (Sunpia Group)
- Synergy Connect Holdings Sdn Bhd Intelli Synergi)

Ahli Kehormat

- Prof. Dr. Mohd Hizam Hanafiah
- Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman

Pembatalan Keahlian

Sehingga 31 Disember 2025, sebanyak 16 permohonan pembatalan keahlian telah diluluskan oleh Persatuan. Antara faktor utama yang menyumbang kepada pembatalan keahlian adalah penutupan operasi perniagaan francais, perubahan model dan hala tuju perniagaan syarikat, serta keputusan organisasi untuk tidak lagi memberi tumpuan kepada pembangunan perniagaan melalui konsep francais.

MFA menghormati keputusan setiap ahli dan akan terus mengekalkan hubungan profesional dengan syarikat yang terlibat serta mengalu-alukan penyertaan semula pada masa hadapan sekiranya keperluan dan hala tuju perniagaan mereka kembali selari dengan objektif Persatuan. Syarikat yang membatalkan keahlian sepanjang tahun 2025 adalah seperti berikut:

- Arjuna Family Sdn Bhd (Arjuna Family)
- A Plus Edu Sdn Bhd (A Plus Edu)
- Kendali Management Services Sdn Bhd (Kendali)
- Gourmet Ingredients Sdn. Bhd.(Gourmet)
- Glories Gadget (M) Sdn Bhd (Al-Ikhlas Gadget)
- Lee Hishammuddin Allen & Gledhill (LHAG)
- Niro IMS Sdn Bhd (Niro IMS)
- Ng Karl Wei
- QSR Brands (M) Holdings Bhd (QSR)
- Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd (Hotel Seri Malaysia)
- Smarttint Group Sdn Bhd (CoolShield)
- Sunrider International (Malaysia) Sdn Bhd (Sunrider)
- Ted Print Sdn Bhd (Smart Booth)
- Yumi Food Sdn Bhd (Yumi Food)

Naik Taraf Keahlian

Sehingga 31 Disember 2025, sebanyak tiga (3) penaiktarafan keahlian telah diluluskan, melibatkan tiga (3) syarikat daripada kategori Ahli Bersekutu kepada Ahli Biasa. Bagi kategori francaisor, penaiktarafan dilaksanakan secara automatik berdasarkan kelulusan pendaftaran francais oleh Pendaftar Francais (Registration of Franchise – ROF). Manakala bagi kategori Institusi Sokongan, penaiktarafan dibuat berdasarkan pengalaman, kepakaran dan sumbangan syarikat dalam menyokong pembangunan serta pengukuhan ekosistem industri francais.

Penaiktarafan ini mencerminkan perkembangan dan kematangan ahli dalam industri serta komitmen MFA untuk memastikan kategori keahlian sentiasa mencerminkan status dan peranan sebenar ahli dalam ekosistem francais negara. Syarikat yang terbabit dengan penaiktarafan keahlian daripada Ahli Bersekutu kepada Ahli Biasa adalah:

- Miraj Consultancy
- Artivo Education Sdn Bhd
- Alfa Consortium Sdn Bhd

PENGLIBATAN BERSAMA AHLI

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke – 30

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) merupakan platform tertinggi Persatuan bagi membentangkan laporan kemajuan dan pencapaian tahunan, menerima dan meluluskan penyata kewangan teraudit, membincangkan serta mempertimbangkan usul-usul yang dikemukakan oleh ahli, meluluskan pindaan Undang-Undang Tubuh, memilih Ahli Jawatankuasa Utama dan Juruaudit Dalaman serta membuat keputusan terhadap perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan ahli sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Undang-Undang Tubuh MFA.

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-30 telah diadakan pada 18 Jun 2025 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur dengan kehadiran seramai 128 wakil ahli yang terdiri daripada Ahli Biasa, Ahli Bersekutu, Ahli Bergabung, pemerhati, wakil kementerian dan jemputan. Dalam mesyuarat tersebut, Laporan Kemajuan Aktiviti Tahun 2024 dan Laporan Kewangan Teraudit bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 telah dibentangkan dan diterima oleh ahli mesyuarat. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan tiga (3) usul yang dikemukakan oleh ahli berkaitan pengukuhan program pembangunan industri, sesi perkongsian amalan terbaik serta inisiatif pengantarabangsaan francais Malaysia.

AGM kali ini turut menjadi satu platform penting dalam memperkukuh tadbir urus Persatuan melalui pelaksanaan pemilihan Ahli Jawatankuasa Utama MFA bagi Sesi 2025–2028. Pemilihan ini telah berjaya membentuk barisan kepimpinan baharu yang akan menerajui hala tuju Persatuan bagi tempoh tiga (3) tahun akan datang, selaras dengan aspirasi untuk memperkukuh peranan MFA sebagai platform pembangunan, jaringan dan advokasi industri francais Malaysia.

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa proses pemilihan telah dilaksanakan selaras dengan peruntukan Undang-Undang Tubuh MFA serta garis panduan pencalonan yang berkuat kuasa bagi memastikan ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik dalam proses pemilihan kepimpinan Persatuan. Barisan Ahli Jawatankuasa Utama MFA Sesi 2025–2028 adalah seperti berikut:

Pengerusi	: Datuk Dr Radzali bin Hassan (Harta Maintenance Sdn Bhd)
Naib Pengerusi	: Dato' Zahriah binti Abd Kadir (Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd)
Naib Pengerusi	: Deric Yeo (MY US Pizza Sdn Bhd)
Setiausaha Agung	: Kairul Azman bin Mohd Yusoh (Marrybrown Sdn Bhd)
Penolong Setiausaha	: Khalek bin Awang (Khalek Awang & Associates)
Bendahari Agung	: Hj Mohamad Azwani bin Asa'd (Rakyat Management Services Sdn Bhd)
Penolong Bendahari	: Terry Lim (Global Art & Creative Sdn Bhd)
Ahli Jawatankuasa	: Daniel Sim (Cambridge English For Life Sdn Bhd)
	: Damian Yeo (Damian SL Yeo & LC Goh)
	: Fatin Muzfirah binti Ahmad Shauhada (Merss Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners)
	: Dr Jacky Lim (Goldlife Marketing Sdn Bhd)
	: Kevan Ong (Smart Reader Worldwide Sdn Bhd)
	: Pengiran Muhammad Adil bin Awang Iskanderdzulkeinein (PMA Rich Sdn Bhd)
	: Wong Jin Nee (Wong Jin Nee & Teo)

Mesyuarat Agung Khas 2025

Mesyuarat Agung Khas (EGM) telah diadakan pada 3 September 2025 di Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur dengan kehadiran seramai 67 wakil ahli. Tujuan utama mesyuarat ini adalah untuk membincangkan dan mendapatkan kelulusan ahli terhadap cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh MFA sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh tadbir urus, menambah baik struktur pentadbiran serta memastikan peruntukan sedia ada kekal relevan dengan perkembangan dan keperluan semasa Persatuan.

Hasil perbincangan yang dijalankan, ahli-ahli yang hadir telah sebulat suara meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh MFA yang dibentangkan. Pindaan ini merupakan langkah penting dalam memperkukuh asas tadbir urus organisasi, meningkatkan kejelasan peranan dan tanggungjawab, memperkemarkan pengurusan keahlian serta menyokong pelaksanaan fungsi Persatuan secara lebih efektif dan mampan.

Pada 3 Mac 2026, cadangan pindaan tersebut telah mendapat kelulusan rasmi daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Tempoh kelulusan yang lebih panjang daripada kebiasaan adalah disebabkan gangguan teknikal dan proses penaiktarafan sistem e-ROS yang berlaku antara Oktober 2025 hingga Januari 2026. Dengan kelulusan tersebut, MFA kini beroperasi berdasarkan Undang-Undang Tubuh yang telah dikemas kini dan diperkukuhkan bagi menyokong pertumbuhan serta hala tuju Persatuan pada masa hadapan.

Program Jaringan Perhubungan Bersama Ahli dan Bakal Ahli

Bagi memperkukuh hubungan dengan ahli serta menyokong usaha pengembangan keahlian, MFA telah melaksanakan program lawatan dan sesi libat urus secara bersemuka dan atas talian bersama ahli sedia ada serta organisasi yang berpotensi menyertai Persatuan.

Sepanjang tahun 2025, siri lawatan dan perbincangan telah diadakan melibatkan syarikat yang berminat untuk meneroka model perniagaan francais dan mendapatkan maklumat lanjut mengenai keahlian MFA. Sesi-sesi ini dilaksanakan sama ada di pejabat syarikat, Pejabat MFA atau melalui platform dalam talian mengikut kesesuaian pihak yang terlibat.

Antara perkara yang dikongsikan termasuk proses dan keperluan untuk menjadi francaisor, tatacara pendaftaran francais, manfaat keahlian MFA, program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan, serta perkembangan dan peluang semasa dalam industri francais. Sesi ini turut memberi peluang kepada MFA untuk memahami keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh pemain industri, sekali gus membolehkan Persatuan menawarkan sokongan dan perkhidmatan yang lebih bersesuaian.

Selain sesi lawatan dan libat urus secara langsung, MFA juga aktif menyertai pelbagai program, pameran dan acara industri di peringkat kebangsaan sebagai platform untuk mempromosikan peranan Persatuan, memperluaskan jaringan industri serta menarik penyertaan keahlian baharu. Pendekatan proaktif ini telah membantu meningkatkan kesedaran terhadap manfaat keahlian MFA dan mengukuhkan kedudukan Persatuan sebagai platform utama pembangunan industri francais di Malaysia.

Program Bizconnect – Edisi Pendidikan

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh jaringan industri dan meningkatkan nilai tambah kepada ahli, MFA telah menganjurkan Program BizConnect – Edisi Pendidikan pada 2 Disember 2025. Smart Reader Worldwide telah bermurah hati untuk menjadi tuan rumah dan menaja lokasi program di Smart Reader Worldwide Headquarters, Segambut, Kuala Lumpur.

Program ini diwujudkan sebagai platform strategik untuk menghubungkan pemain industri francais, khususnya ahli MFA dalam sektor pendidikan, dengan agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang berkaitan. Melalui program ini, peserta telah didedahkan kepada pelbagai aspek penting termasuk keperluan pematuhan peraturan, standard operasi dan penjenamaan, pembangunan perniagaan mampan serta amalan terbaik dalam pengembangan perniagaan melalui model francais.

Penganjuran program ini turut memberi ruang kepada peserta untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada pihak berkaitan, berkongsi cabaran industri serta membina jaringan kerjasama yang lebih kukuh antara sektor swasta dan agensi kerajaan. Inisiatif seperti BizConnect mencerminkan komitmen MFA dalam menyediakan platform libat urus yang relevan, praktikal dan berimpak tinggi bagi menyokong pertumbuhan serta daya saing ahli dalam sektor francais.

PENGLIBATAN BERSAMA INDUSTRI

PENGLIBATAN DENGAN KEMENTERIAN DAN AGENSI

Sebagai persatuan industri yang mewakili kepentingan sektor francais, MFA terus memperkukuh hubungan strategik dengan kementerian, agensi kerajaan dan badan berkaitan sepanjang tahun 2025. Penglibatan ini bertujuan memastikan suara dan pandangan industri francais terus diambil kira dalam pembangunan dasar, program pembangunan usahawan serta inisiatif yang memberi impak kepada pertumbuhan dan daya saing industri francais negara.

Kunjungan Hormat ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

Pada 14 Julai 2025, MFA telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Delegasi MFA telah diketuai oleh YBhg. Datuk Dr Radzali Hassan, Pengerusi MFA. Kunjungan hormat ini bertujuan memperkukuh hubungan kerjasama strategik antara MFA dan KUSKOP serta membincangkan pelbagai perkara berkaitan pembangunan industri francais, program pembangunan usahawan, pengantarabangsaan jenama francais tempatan dan hala tuju pembangunan industri francais negara. Sesi ini turut memberi ruang kepada MFA untuk berkongsi perkembangan semasa industri serta mendapatkan pandangan dan sokongan kementerian terhadap pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Persatuan.

Kunjungan Hormat ke Kementerian Ekonomi Malaysia

Pada 2 Julai 2025, MFA yang diketuai oleh YBhg Datuk Dr Radzali Hassan telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Ts. V. Valluvan Veloo, Timbalan Ketua Setiausaha (MAKRO), Kementerian Ekonomi Malaysia. Kunjungan ini adalah sebahagian daripada usaha meluaskan jaringan kerjasama strategik dan potensi peranan industri francais sebagai salah satu pemangkin pertumbuhan ekonomi, pembangunan perusahaan tempatan, penciptaan peluang pekerjaan serta pengembangan perniagaan Malaysia ke pasaran antarabangsa.

Penglibatan bersama Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)

MFA telah menerima dan menyertai beberapa mesyuarat, perbincangan serta program yang dianjurkan oleh Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) selaku agensi pembangunan francais utama negara. Penglibatan aktif MFA dalam pelbagai platform anjuran PERNAS mencerminkan hubungan kerjasama yang erat antara kedua-dua organisasi dalam memperkukuh pembangunan industri francais dan keusahawanan negara.

Antara penglibatan utama MFA bersama PERNAS termasuk penyertaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais serta sesi perbincangan yang berkaitan dengan pembangunan usahawan francais, penarafan perniagaan dan pengukuhan ekosistem francais negara. Kerjasama berterusan ini membolehkan MFA memainkan peranan sebagai rakan strategik industri dalam menyokong agenda pembangunan francais yang lebih mampan dan berdaya saing.

TARIKH	AKTIVITI
21 Februari 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais Pernas ke 51 (Bil. 01/2025)
16 Mei 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais Pernas ke 52 (Bil. 02/2025)
4 Julai 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais Pernas ke 53 (Bil. 03/2025)
22 Ogos 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais Pernas ke 54 (Bil. 04/2025)
17 Oktober 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais Pernas ke 55 (Bil. 05/2025)
26 Disember 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais Pernas ke 56 (Bil. 06/2025)

Sesi Libat Urus anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka

Pada 20 Februari 2025, MFA telah menghadiri Sesi Libat Urus Pemerkasaan Bahasa Melayu yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Wisma DBP, Kuala Lumpur. Sesi ini bertujuan mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan berkaitan usaha memperkukuh penggunaan Bahasa Melayu dalam sektor awam, sektor swasta dan agenda pengantarabangsaan negara. Penglibatan MFA dalam sesi ini mencerminkan komitmen Persatuan untuk menyokong usaha kerajaan dalam memperkasakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, komunikasi dan urusan rasmi, di samping memastikan keperluan serta perspektif industri francais turut diambil kira dalam perancangan dasar dan inisiatif berkaitan.

Sesi Taklimat PERKESO

MFA dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menganjurkan satu sesi taklimat khas pada 5 Mac 2025 di Wisma PERKESO, Kuala Lumpur bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman pemain industri francais mengenai kepentingan perlindungan sosial.

Sesi ini memberi fokus kepada Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan menyasarkan pemilik perniagaan yang beroperasi di bawah pemilikan tunggal, perkongsian serta syarikat berstatus Sendirian Berhad. Melalui sesi ini, peserta telah diberikan penerangan mengenai manfaat perlindungan yang disediakan di bawah skim tersebut termasuk perlindungan terhadap kemalangan, kecederaan dan penyakit pekerjaan yang berlaku semasa menjalankan aktiviti perniagaan.

Penganjuran program ini merupakan sebahagian daripada usaha MFA untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ahli mengenai aspek pematuhan, perlindungan sosial dan pengurusan risiko perniagaan yang penting dalam memastikan kelangsungan serta kesejahteraan usahawan dan tenaga kerja industri francais..

Mesyuarat Lembaga Penasihat Francais Bil.1/2025

MFA telah dilantik sebagai salah seorang wakil industri dalam Lembaga Penasihat Francais dan telah menghadiri Mesyuarat Lembaga Penasihat Bil.1/2025 yang diadakan pada 12 Jun 2025, di Menara Berkembar Bank Rakyat. Mesyuarat ini bertujuan memperjelaskan fungsi dan peranan Lembaga Penasihat Francais sebagai platform perundingan dan pemberian pandangan strategik berkaitan pembangunan industri francais negara.

Penglibatan MFA dalam mesyuarat ini membolehkan Persatuan menyuarakan pandangan industri, berkongsi perkembangan semasa yang melibatkan ahli serta menyumbang kepada perbincangan berkaitan dasar, pembangunan dan hala tuju industri francais negara. Penyertaan ini turut mencerminkan pengiktirafan terhadap peranan MFA sebagai rakan strategik industri dalam menyokong usaha kerajaan memperkukuh ekosistem francais Malaysia yang lebih mampan, berdaya saing dan inklusif.

Taklimat Francais kepada Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

Pada 14 Julai 2025, MFA telah dijemput oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka untuk menyampaikan taklimat berkaitan industri francais kepada pegawai dan wakil institusi pendidikan. Program ini telah diadakan di Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan kefahaman mengenai model perniagaan francais dalam sektor pendidikan. Taklimat yang disampaikan merangkumi gambaran keseluruhan industri francais di Malaysia, peluang dan potensi pengembangan institusi pendidikan melalui sistem francais, cabaran yang lazim dihadapi oleh pemain industri serta aspek pematuhan dan amalan terbaik dalam pembangunan perniagaan francais.

Melalui sesi ini, MFA berpeluang berkongsi pengalaman dan pengetahuan industri kepada pihak institusi pendidikan serta memperkukuh kesedaran mengenai potensi francais sebagai salah satu model pertumbuhan yang sistematik, mampan dan berdaya saing. Program ini turut mencerminkan peranan MFA sebagai pusat rujukan industri dalam menyebarkan pengetahuan dan amalan terbaik francais kepada pelbagai sektor ekonomi.

Program Hari Koperasi Negara Zon Melaka

MFA telah menyertai Program Hari Koperasi Negara Zon Melaka yang berlangsung pada 25 hingga 27 Julai 2025 di MiTC, Ayer Keroh, Melaka. Program ini dianjurkan bagi menghargai sumbangan gerakan koperasi terhadap pembangunan ekonomi dan sosial negara serta memperkukuh peranan koperasi dalam memacu pertumbuhan ekonomi komuniti. Penyertaan MFA dalam program ini bertujuan memperkenalkan dan mempromosikan konsep perniagaan francais kepada komuniti koperasi, di samping membuka peluang kerjasama antara sektor koperasi dan industri francais. Program ini turut menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran mengenai potensi francais sebagai salah satu kaedah pengembangan perniagaan yang terancang dan berdaya maju.

Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, dan menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan, koperasi serta pemain industri dari seluruh negara. Sebagai sokongan kepada agenda pembangunan keusahawanan dan francais negara, seramai lapan (8) ahli MFA telah mengambil bahagian sebagai pempamer bagi mempromosikan jenama, produk dan perkhidmatan masing-masing kepada pengunjung program.

Penyertaan dalam program seumpama ini bukan sahaja meningkatkan keterlihatan jenama ahli, malah memperkukuh usaha MFA dalam memperluaskan jaringan industri, mempromosikan peluang francais kepada segmen baharu serta menyokong agenda pembangunan keusahawanan yang diterajui oleh kerajaan.

Penyertaan Ahli	
1. Laundrybar	5. Siti Khadijah
2. Smart Reader Kids	6. Marrybrown
3. Home Maths Therapy	7. Khalek Awang & Associates
4. CIC : Where Leaders Are Born	8. Messrs Damian S.L. Yeo & L.C. Goh

Perjumpaan bersama China Productivity Center & Taiwan External Trade Development Council (TAITRA) Kuala Lumpur

Pada 22 Ogos 2025, MFA telah mengadakan sesi perjumpaan bersama China Productivity Center dan Taiwan External Trade Development Council (TAITRA) Kuala Lumpur bagi membincangkan potensi kerjasama antara Malaysia dan Taiwan dalam sektor francais. Perjumpaan ini bertujuan menggalakkan pertukaran pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik antara kedua-dua negara, khususnya dalam aspek pembangunan perniagaan francais, pemasaran, pembangunan jenama dan pengembangan pasaran antarabangsa. Selain itu, sesi ini turut memberi peluang kepada pihak Taiwan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai ekosistem francais Malaysia, kerangka perundangan yang berkaitan serta peluang kemasukan pasaran bagi jenama-jenama Taiwan.

Majlis Peluncuran SME Bank XCESS 2025

Pihak MFA telah turut serta menjayakan Majlis Peluncuran SME Bank XCESS 2025 pada 25 September 2025 bertempat di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur. XCESS ialah acara padanan perniagaan tahunan oleh SME Bank Malaysia. Ia direka untuk membantu PKS (SMEs – Small & Medium Enterprises) berkembang, khususnya dalam akses pasaran antarabangsa & serantau seperti ASEAN. Penyertaan MFA dalam program ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Persatuan untuk memperluaskan akses ahli kepada peluang pembangunan perniagaan, pembiayaan, kerjasama strategik dan pengembangan pasaran. Program ini turut membuka ruang kepada MFA untuk meneroka potensi kerjasama yang dapat memberi manfaat kepada ahli serta menyokong agenda pembangunan dan pengantarabangsaan jenama francais tempatan.

Sesi Perbincangan Penyediaan Draf Memorandum Jemaah Menteri (MJM)

Pada 6 Oktober 2025, MFA telah menghadiri sesi perbincangan yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bagi membincangkan penyediaan Draf Memorandum Jemaah Menteri (MJM) berkaitan pembangunan industri francais negara. Perbincangan ini bertujuan mengenal pasti perkara-perkara dasar yang perlu diberikan perhatian dalam pembangunan industri francais, termasuk cadangan pindaan kepada Akta Francais 1998, isu-isu semasa yang dihadapi oleh industri serta cadangan penambahbaikan terhadap peruntukan sedia ada bagi memastikan akta tersebut kekal relevan dan responsif terhadap perkembangan industri. Penglibatan MFA dalam sesi ini mencerminkan peranan Persatuan sebagai wakil industri dalam menyampaikan pandangan, maklum balas dan cadangan daripada pemain industri kepada pihak kerajaan bagi menyokong pembangunan dasar yang lebih efektif dan kondusif kepada pertumbuhan industri francais negara.

Pameran Bulan Bahasa Kebangsaan

MFA telah menyertai Pameran Bulan Bahasa Kebangsaan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 12 Oktober 2025 di Pusat Konvensyen MPAJ. Penyertaan ini merupakan tanda sokongan MFA terhadap usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta bahasa utama dalam komunikasi rasmi, urusan perniagaan dan penyampaian maklumat kepada masyarakat. Program ini turut menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan, institusi pendidikan dan organisasi lain yang berkongsi aspirasi yang sama dalam memperkukuh penggunaan Bahasa Melayu di peringkat nasional. Melalui penyertaan dalam program ini, MFA turut berpeluang meningkatkan kesedaran mengenai industri francais kepada masyarakat umum serta memperkukuh hubungan dengan pelbagai organisasi dan institusi yang terlibat dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Sesi Libat Urus Banci Ekonomi 2026

Pada 18 November 2025, MFA telah menghadiri Sesi Libat Urus Banci Ekonomi 2026 (BE2026) yang dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Wilayah Persekutuan di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur. Sesi ini bertujuan memberikan penerangan awal berkaitan pelaksanaan Banci Ekonomi 2026, termasuk objektif, keperluan data, kaedah pelaksanaan dan kepentingan penglibatan sektor perniagaan dalam memastikan data ekonomi negara yang tepat dan komprehensif dapat dikumpulkan. Sebagai persatuan yang mewakili pelbagai pemain industri francais, MFA turut memainkan peranan dalam membantu menyebarkan maklumat berkaitan bancian kepada ahli-ahlinya bagi menyokong

usaha kerajaan dalam menghasilkan data ekonomi yang berkualiti, tepat dan boleh dijadikan asas kepada perancangan dasar serta pembangunan ekonomi negara.

Memorandum Persefahaman antara MFA dan SME Bank

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh sokongan kepada pembangunan industri francais, MFA telah menjalin kerjasama strategik dengan SME Bank Malaysia Berhad melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung pada 15 Disember 2025 bersempena Malam Anugerah Francais Malaysia 2025 di The Majestic Hotel Kuala Lumpur.

Kerjasama ini merupakan hasil daripada beberapa siri perbincangan yang diadakan antara kedua-dua pihak bagi meneroka peluang kerjasama yang dapat memberi manfaat kepada ahli MFA, khususnya dalam aspek pembangunan perniagaan, akses pembiayaan, pembangunan kapasiti, pengembangan pasaran serta perkongsian maklumat dan kepakaran. Antara bidang kerjasama yang dipersetujui termasuk pembangunan kapasiti usahawan francais, akses kepada kemudahan pembiayaan perniagaan, pelaksanaan program berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), perkongsian data dan maklumat industri.

Kerjasama strategik ini dijangka membuka lebih banyak peluang kepada ahli MFA untuk mendapatkan akses kepada program pembangunan perniagaan, khidmat nasihat dan kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh SME Bank. Pemeteraian MoU ini mencerminkan komitmen MFA dalam memperkukuh jaringan kerjasama dengan institusi kewangan dan agensi strategik bagi menyokong pertumbuhan, daya saing dan kemampanan industri francais Malaysia.

PENGLIBATAN DENGAN PERSATUAN DAN ORGANISASI LAIN

Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)

Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) merupakan sebuah organisasi serantau yang menghimpunkan persatuan francais dari rantau Asia Pasifik dan telah ditubuhkan pada tahun 1998. APFC berperanan sebagai platform kerjasama bagi menggalakkan pertukaran maklumat, pengalaman, amalan terbaik dan pandangan berkaitan pembangunan industri francais di negara masing-masing, di samping memperkukuh hubungan serta saluran komunikasi antara persatuan francais di rantau ini.

MFA merupakan antara ahli pengasas APFC dan telah menganggotai organisasi ini sejak tahun 1998. Selain pernah berperanan sebagai Sekretariat APFC bagi tempoh 1998 hingga 2014, MFA juga telah diberikan kepercayaan untuk memegang jawatan Bendahari APFC sejak tahun 2009 sehingga kini. Penglibatan berterusan ini mencerminkan komitmen dan kredibiliti MFA dalam menyumbang kepada pembangunan industri francais di peringkat serantau.

Bagi tahun 2025, Mesyuarat APFC telah dihoskan oleh Asosiasi Franchise Indonesia (AFI) di Jakarta, Indonesia pada 30 Oktober hingga 2 November 2025, dengan penyertaan lebih daripada 12 negara anggota. Mesyuarat tersebut membincangkan beberapa perkara strategik termasuk cadangan Deklarasi Jakarta, usaha meletakkan APFC sebagai Franchise Sector Lead di bawah ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC) serta cadangan pelaksanaan mesyuarat APFC sebanyak dua kali setahun bagi meningkatkan keberkesanan kerjasama serantau.

Penyertaan MFA dalam platform ini membolehkan Persatuan mengikuti perkembangan industri francais serantau, berkongsi pandangan dan pengalaman Malaysia serta memperluaskan jaringan kerjasama yang dapat memberi manfaat kepada ahli dan industri francais negara. Taiwan akan menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat APFC pada tahun 2026.

World Franchise Council (WFC)

World Franchise Council (WFC) merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang menghimpunkan lebih 40 persatuan francais dari seluruh dunia dan telah ditubuhkan pada tahun 1994. WFC berfungsi sebagai platform global untuk membincangkan perkembangan industri francais, berkongsi amalan terbaik, memperkukuh kerjasama antarabangsa serta membina persefahaman mengenai isu-isu yang memberi kesan kepada pembangunan francais di pelbagai negara.

MFA telah menganggotai WFC sejak tahun 1998 dan pernah diberikan kepercayaan untuk memegang jawatan *Secretariat for Legal Affairs* bagi sesi 2013 hingga 2015. Penglibatan aktif MFA dalam WFC membolehkan Malaysia terus memainkan peranan dalam perbincangan dan pembangunan agenda francais di peringkat global. Sebagai pengiktirafan terhadap komitmen dan sumbangan berterusan MFA dalam komuniti francais antarabangsa, MFA sekali lagi diberi kepercayaan untuk menganggotai barisan kepimpinan WFC apabila dilantik sebagai *Vice Secretary for Business Content & Training* bagi sesi 2024–2026. Pelantikan ini membolehkan MFA menyumbang kepada pembangunan kandungan, latihan dan inisiatif pembangunan kapasiti yang memberi manfaat kepada persatuan francais ahli WFC di seluruh dunia.

a) Mesyuarat World Franchise Council (WFC) Bil 1/2025

Mesyuarat WFC Bil. 1/2025 telah diadakan pada 9 hingga 10 Februari 2025 di Las Vegas, Amerika Syarikat, bersempena dengan International Franchise Association (IFA) Annual Convention. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Mary Thompson, Pengerusi Baharu IFA, bersama Veronica Linda dari Indonesia sebagai *Chairman-Elect*. Seramai 25 persatuan francais dari seluruh dunia telah menghadiri mesyuarat tersebut termasuk Malaysia. MFA telah diwakili oleh En. Khalek Awang dan Pn. Zuraida Jomri. Antara keputusan penting yang dicapai ialah persetujuan untuk mengisytiharkan 11 Jun sebagai World Franchise Day, yang bertujuan meningkatkan kesedaran global mengenai sumbangan industri francais kepada pembangunan ekonomi, penciptaan peluang pekerjaan dan pembangunan keusahawanan.

Mesyuarat turut membincangkan kemasukan ahli baharu dari El Salvador, Costa Rica dan Peru, kelulusan pindaan perlembagaan WFC, pembentangan mengenai standard dan akreditasi francais oleh Argentina dan British Franchise Association (BFA), pelancaran laman sesawang baharu WFC serta strategi memperkukuh kerjasama antarabangsa dalam menyokong pengembangan jenama francais merentasi sempadan negara.

b) Mesyuarat World Franchise Council (WFC) Bil 2/2025

MFA turut menghadiri Mesyuarat WFC Bil. 2/2025 yang telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada 30 Oktober hingga 2 November 2025, bersempena dengan mesyuarat APFC dan pameran francais yang dianjurkan oleh Asosiasi Francais Indonesia. Mesyuarat ini menghimpunkan 23 negara anggota dan menjadi platform penting untuk membincangkan perkembangan industri francais global, cabaran semasa serta amalan terbaik yang dilaksanakan oleh persatuan francais di seluruh dunia. MFA telah diwakili oleh Datuk Dr Radzali Hassan dan En Deric Yeo.

MFA telah berkongsi pengalaman Malaysia dalam aspek perancangan penggantian kepimpinan (*succession planning*). Selain itu, perkongsian amalan terbaik dalam penggunaan pendekatan perhubungan awam (*public relations*) bagi meningkatkan kesedaran serta persepsi positif terhadap industri francais turut diadakan. Mesyuarat turut mencapai persetujuan bahawa persatuan francais kebangsaan yang menganggotai WFC perlu terus berperanan sebagai rujukan utama kepada jenama yang ingin meneroka peluang pengembangan ke pasaran antarabangsa.

Penyertaan aktif MFA dalam WFC membuktikan komitmen Persatuan dalam memastikan suara industri francais Malaysia terus didengari di peringkat antarabangsa, di samping memperkukuh hubungan strategik, mempromosikan amalan terbaik industri serta membuka lebih banyak peluang kerjasama dan pengembangan pasaran kepada ahli-ahli MFA. Bagi tahun 2026, Mesyuarat WFC dijadualkan berlangsung di Taiwan dan China.

ASEAN Networking

Salah satu pencapaian penting MFA di peringkat serantau pada tahun 2025 ialah penglibatan dalam pembentukan ASEAN Franchise Networking Initiative, yang dimeterai melalui Deklarasi ASEAN yang ditandatangani pada 7 Mei 2025 sempena ASEAN Franchise Convention 2025. Deklarasi tersebut telah ditandatangani oleh wakil daripada enam (6) persatuan francais negara ASEAN sebagai simbol komitmen bersama untuk memperkukuh kerjasama serantau dan memacu pembangunan industri francais ASEAN yang lebih progresif, mampan dan berdaya saing.

Deklarasi ini menggariskan tiga (3) teras utama iaitu kemampanan (*sustainability*), pendigitalan (*digitalisation*) dan kerjasama serantau (*regional collaboration*). Teras kemampanan memberi penekanan kepada amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan selaras dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Teras pendigitalan pula menumpukan kepada pengukuhan penggunaan teknologi digital bagi meningkatkan kecekapan operasi, daya saing dan kebolehskalaan sistem francais. Sementara itu, teras kerjasama serantau memberi fokus kepada pembentukan rangka kerja kerjasama yang lebih tersusun melalui perkongsian pengetahuan, pembangunan kapasiti, pertukaran amalan terbaik dan penerokaan peluang perniagaan rentas sempadan.

Melalui inisiatif ini, MFA terus memainkan peranan aktif dalam memperkukuh hubungan dengan persatuan francais ASEAN serta menyokong usaha mewujudkan ekosistem francais serantau yang lebih bersepadu. Kerjasama ini dijangka membuka lebih banyak peluang kepada ahli MFA untuk memperluaskan jaringan perniagaan, meneroka pasaran baharu dan meningkatkan daya saing jenama francais Malaysia di peringkat ASEAN.

Hawa Malaysia - Majlis Perasmian Program Women In Trade & Industry (WITI)

MFA telah menghadiri Forum *Unleashing The Power Of Women In ASEAN: Trade and Industry Across Borders* pada 8 Oktober 2025 bertempat di MITI Kuala Lumpur. Program ini dianjurkan oleh HAWA Malaysia dengan kerjasama MITI dan ERIA (*Economic Research Institute for ASEAN & East Asia*). Forum ini bertujuan menjadi platform serantau untuk membina rangkaian, berkongsi pengalaman, dan memperkukuh peranan wanita sebagai pemacu perdagangan & industri di ASEAN. Penyertaan MFA dalam forum ini mencerminkan komitmen Persatuan dalam menyokong agenda

pembangunan ekonomi yang inklusif serta memperluaskan penglibatan usahawan wanita dalam sektor francais. Program ini turut memberi peluang kepada MFA untuk membina jaringan kerjasama baharu dengan pelbagai organisasi, agensi dan pemimpin industri dari negara-negara ASEAN.

PENGLIBATAN DENGAN MEDIA

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh keterlihatan industri francais serta meningkatkan kesedaran awam terhadap aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan, MFA telah menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai organisasi media sepanjang tahun 2025. Beberapa siri lawatan dan sesi libat urus bersama organisasi media telah dilaksanakan bagi membincangkan peluang kerjasama dalam aspek promosi, publisiti dan liputan media untuk program-program utama MFA. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan pendedahan kepada aktiviti Persatuan dan ahli-ahlinya, malah turut memperkukuh hubungan profesional antara MFA dan pihak media sebagai rakan strategik dalam mempromosikan pembangunan industri francais negara.

Hasil daripada usaha tersebut, MFA telah berjaya mendapatkan sokongan dan komitmen daripada pelbagai organisasi media melalui pelaksanaan pelbagai bentuk kerjasama termasuk sesi temu bual, liputan berita, penerbitan artikel, pengiklanan serta promosi program dan aktiviti utama Persatuan. Kerjasama ini turut membantu MFA mengoptimumkan kos promosi melalui rundingan pakej media yang lebih kompetitif dan bernilai tambah.

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 87 liputan media melibatkan aktiviti MFA, perkembangan industri francais serta aktiviti ahli telah berjaya disiarkan menerusi 22 saluran media yang terdiri daripada media cetak, media elektronik, portal berita dan platform digital. Liputan yang diterima bukan sahaja meningkatkan keterlihatan program dan aktiviti Persatuan, malah turut menyumbang kepada usaha memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap peranan francais sebagai salah satu pemacu pembangunan ekonomi dan keusahawanan negara.

Peningkatan jumlah liputan media sepanjang tahun 2025 turut menyokong usaha penjenamaan MFA dan industri francais secara keseluruhan, sekali gus meningkatkan keyakinan pemegang taruh, bakal pelabur, usahawan serta masyarakat terhadap potensi industri francais sebagai salah satu sektor yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Kejayaan ini membuktikan keberkesanan pendekatan strategik MFA dalam memanfaatkan platform media sebagai medium komunikasi yang berkesan untuk memperluaskan capaian maklumat, meningkatkan penglibatan industri serta mengangkat profil ahli dan jenama francais tempatan kepada khalayak yang lebih luas.

Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan strategi komunikasi dan hubungan media MFA dalam memperluaskan capaian maklumat kepada pelbagai kumpulan sasaran serta menyokong usaha berterusan Persatuan dalam mempromosikan industri francais Malaysia di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Butiran lanjut mengenai liputan media sepanjang tahun 2025 adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut.

Platform Media Elektronik	Platform Media Cetak / Media Digital	Media Antarabangsa
Bernama Radio China Press RTM Biz Malaysia RTM Traxx FM RTM Nasional FM RTM Selamat Pagi Malaysia RTM Berita TV1 Star Media 988.fm	NKMH Media Big Orange Media Matrade Digital SLPR Worldwide Droad KOL – Rahman Chea Rise and Win Creatives Global Creative Bernama	Asiawide Franchise

Media Tempatan		
Bernama Berita Harian Harian Metro Kosmo! The New Straits Times China Press The Malaysian Reserve	Sin Chew Daily Business Today MSCM ZN River BFM Radio Hot FM RTM Top 10 of Malaysia	SME Magazine Utusan Borneo Borneo Post SLPR Worldwide Droad Solution Big Orange Media

PROGRAM KERJASAMA

PROGRAM PENGUKUHAN PEMBANGUNAN FRANCAIS UNTUK MENINGKATKAN EKSPORT (EFDP)

Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport atau Enhanced Franchise Development Programme (EFDP) merupakan inisiatif strategik kerajaan yang dilaksanakan bagi membantu syarikat francais tempatan meningkatkan daya saing dan memperluaskan kehadiran mereka di pasaran antarabangsa.

MFA telah diberikan kepercayaan sebagai agensi pelaksana program ini sejak tahun 2015 melalui kerjasama erat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi berkaitan. Peranan MFA sebagai badan pelaksana merangkumi penyelarasan program pembangunan pasaran antarabangsa, misi perdagangan, padanan perniagaan, latihan pengantarabangsaan serta program pembangunan kapasiti bagi membantu francais tempatan meneroka peluang pertumbuhan di luar negara.

Sepanjang tahun 2025, MFA telah melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah EFDP yang merangkumi program padanan perniagaan antarabangsa, misi perdagangan ke pasaran strategik, webinar pasaran antarabangsa, program pembangunan kapasiti serta penganjuran ASEAN Franchise Convention 2025. Kesemua inisiatif ini dilaksanakan bagi memperkukuh daya saing jenama francais Malaysia dan meningkatkan peluang pengembangan perniagaan di pasaran global.

PROGRAM PADANAN PERNIAGAAN

Program padanan perniagaan dilaksanakan sebagai platform untuk mempertemukan syarikat francais Malaysia dengan bakal pelabur, pemegang lesen induk, rakan strategik dan pengusaha perniagaan dari luar negara. Program ini bertujuan membuka peluang kerjasama komersial, memperkenalkan jenama francais Malaysia ke pasaran sasaran serta meningkatkan potensi eksport perkhidmatan dan model perniagaan francais tempatan.

Sepanjang tahun 2025, MFA telah berjaya melaksanakan tiga (3) program padanan perniagaan antarabangsa di bawah Program EFDP, yang terdiri daripada dua (2) *Specialised Business Mission* (SBM) ke Kazakhstan dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), serta satu (1) *Franchise In-Buying Mission* (FIBM) yang diadakan bersempena *Franchise International Malaysia* (FIM2025).

Program-program ini melibatkan penyertaan syarikat-syarikat francais tempatan daripada pelbagai sektor termasuk makanan dan minuman, pendidikan, latihan, penjagaan kanak-kanak serta perkhidmatan profesional. Inisiatif ini bertujuan memperluaskan akses pasaran antarabangsa, membuka peluang pelaburan dan kerjasama strategik, serta meningkatkan kehadiran dan daya saing jenama francais Malaysia di peringkat global.

Specialised Business Mission (SBM)

Secara keseluruhannya, kedua-dua *Specialised Business Mission* (SBM) ke Kazakhstan dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah berjaya menjana potensi pelaburan melebihi RM81 juta. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan program EFDP sebagai platform strategik dalam membantu syarikat francais Malaysia meneroka pasaran baharu, memperluaskan rangkaian antarabangsa serta meningkatkan potensi eksport perkhidmatan francais negara.

a) Almaty, Kazakhstan

MFA telah melaksanakan *Specialised Business Mission* (SBM) ke Almaty, Kazakhstan pada 22 hingga 24 September 2025 sebagai sebahagian daripada usaha memperluaskan kehadiran jenama francais Malaysia di pasaran antarabangsa serta meneroka peluang pelaburan dan kerjasama strategik di rantau Asia Tengah. Misi ini telah disertai oleh lapan (8) syarikat francais tempatan yang mewakili pelbagai sektor industri. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBrs. Encik Adila Sabri bin Muhammad, Setiausaha Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor (BPFV), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Kazakhstan merupakan ekonomi terbesar di rantau Asia Tengah dan berperanan sebagai pintu masuk strategik ke pasaran Eurasia yang merangkumi lebih 180 juta penduduk melalui rangkaian perdagangan serantau. Pertumbuhan kelas pertengahan, peningkatan urbanisasi serta permintaan terhadap sektor pendidikan, makanan dan minuman serta perkhidmatan moden menjadikan Kazakhstan sebagai antara pasaran baharu yang berpotensi untuk diterokai oleh jenama francais Malaysia

Sepanjang misi tersebut, para peserta telah berpeluang mengadakan sesi padanan perniagaan, perbincangan strategik dan penerokaan peluang kerjasama dengan bakal rakan niaga serta pelabur di Kazakhstan dan Kyrgyzstan.

Program ini berjaya merekodkan potensi pelaburan bernilai RM19 juta, sekali gus menunjukkan minat yang positif terhadap jenama dan model perniagaan francais Malaysia di pasaran tersebut.

PENYERTAAN SYARIKAT FRANCAIS	
1. Marrybrown Sdn Bhd 2. My US Pizza Sdn Bhd 3. Bonda Learning Centre Sdn Bhd 4. Itrain Kids Sdn Bhd	5. Bright Hill Islamic Montessori Sdn Bhd 6. Ha'labo Sdn Bhd 7. Midyson Sdn Bhd 8. DFC Global Sdn Bhd

b) Dubai, Emiriah Arab Bersatu

MFA dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melaksanakan Specialised Business Mission (SBM) ke Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 25 hingga 30 November 2025 sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh pengantarabangsaaan jenama francais Malaysia dan meneroka peluang pengembangan perniagaan di rantau Timur Tengah. Misi ini telah disertai oleh enam (6) syarikat francais Malaysia yang mewakili sektor pendidikan, makanan dan minuman serta perkhidmatan. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBrs. Encik Adila Sabri bin Muhammad, Setiausaha Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor (BPFV), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Dubai merupakan antara hab perdagangan dan pelaburan utama dunia yang menghubungkan pasaran Timur Tengah, Afrika dan Asia Selatan. Dengan persekitaran perniagaan yang kondusif, kuasa beli pengguna yang tinggi serta kedudukannya sebagai pusat komersial bagi negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC), UAE menawarkan peluang yang signifikan kepada jenama francais Malaysia untuk memperluaskan operasi dan membina rangkaian perniagaan di peringkat serantau.

Sepanjang misi tersebut, para peserta telah mengadakan sesi padanan perniagaan, perbincangan strategik dan penerokaan peluang kerjasama dengan bakal pelabur, pemegang lesen induk (master franchisee) serta rakan perniagaan yang berpotensi di pasaran UAE dan rantau Timur Tengah. Program ini telah berjaya merekodkan potensi pelaburan berjumlah RM62.69 juta, menjadikannya antara misi perdagangan francais antarabangsa yang mencatatkan potensi pelaburan tertinggi bagi tahun 2025. Pencapaian ini mencerminkan daya tarikan jenama francais Malaysia di peringkat antarabangsa serta potensi besar pasaran Timur Tengah sebagai destinasi strategik bagi pengembangan perniagaan francais tempatan.

PENYERTAAN SYARIKAT FRANCAIS	
1. Global Art Sdn Bhd 2. Little Caliphs® International Sdn Bhd 3. FTW Ventures Sdn Bhd	4. Bonda Learning Centre Sdn Bhd 5. Brainy Bunch International Montessori Sdn Bhd 6. Ahmad Fried Chicken Sdn Bhd

Program Franchise In-Buying Mission (FIBM)

Program ini bertujuan menyediakan platform padanan perniagaan yang mempertemukan francaisor Malaysia dengan pelabur dan rakan strategik antarabangsa yang berpotensi. Melalui program ini, syarikat-syarikat francais tempatan berpeluang mempromosikan jenama, produk dan model perniagaan francais Malaysia secara terus kepada pembeli dan pelabur dari luar negara, sekali gus membuka peluang pengembangan perniagaan ke pasaran antarabangsa.

FIBM 2025 telah dilaksanakan pada 8 Mei 2025 di KLCC dan telah menghimpunkan 17 syarikat francais Malaysia daripada pelbagai sektor industri dan berjaya mengatur sesi padanan perniagaan dengan 15 pembeli antarabangsa dari enam (6) negara sasaran. Hasil daripada sesi perbincangan dan rundingan yang dijalankan, program ini telah merekodkan 91 jumlah mesyuarat perniagaan dan potensi jualan berjumlah USD17.17 juta (RM76.82 juta).

MISI PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Bagi memperluaskan akses pasaran dan meningkatkan keterlihatan jenama Malaysia di peringkat global, MFA bersama KUSKOP telah melaksanakan beberapa misi perdagangan antarabangsa ke pasaran strategik sepanjang tahun 2025 dengan menyertai pameran francais antarabangsa.

Misi-misi ini telah menghimpunkan lebih 30 syarikat francais Malaysia daripada pelbagai sektor dan berjaya merekodkan potensi pelaburan melebihi RM59 juta. Selain penyertaan pameran, delegasi turut menyertai sesi padanan perniagaan, lawatan industri, perbincangan dengan persatuan francais tempatan serta sesi meja bulat bersama pihak berkepentingan di negara berkenaan. Maklumat lanjut bagi misi perdagangan sepanjang tahun 2025 tersebut adalah seperti di bawah:

a) Shanghai, China

MFA telah menganjurkan Misi Perdagangan ke Shanghai, China yang berlangsung pada 8 hingga 10 Ogos 2025 bersempena China Franchise Expo 2025. Misi ini telah disertai oleh lapan (8) syarikat francais Malaysia yang mewakili pelbagai sektor industri dengan tujuan meneroka peluang pengembangan perniagaan, membina jaringan strategik dan memperkenalkan jenama francais Malaysia kepada pelabur serta rakan niaga berpotensi di pasaran China. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

China merupakan antara pasaran pengguna terbesar dunia dengan populasi melebihi 1.4 bilion penduduk serta pertumbuhan pesat sektor francais, pendidikan, makanan dan minuman serta perkhidmatan pengguna. Peningkatan pendapatan isi rumah dan permintaan terhadap jenama antarabangsa menjadikan China antara destinasi strategik bagi syarikat francais Malaysia yang ingin mengembangkan perniagaan di rantau Asia.

Selain penyertaan dalam pameran francais tersebut, para delegasi turut mengadakan sesi padanan perniagaan, perbincangan strategik serta lawatan industri bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai landskap pasaran, trend pengguna dan peluang pelaburan di negara berkenaan. Hasil daripada misi ini, sebanyak RM28 juta potensi pelaburan telah berjaya direkodkan, membuktikan minat yang positif terhadap jenama dan model perniagaan francais Malaysia.

PENYERTAAN SYARIKAT FRANCAIS	
1. DFC Global Sdn Bhd	5. Q-Dees Worldwide Edusystem
2. Marrybrown Sdn Bhd	6. QC Group Sdn Bhd
3. Midyson Sdn Bhd	7. Roaster Asia Pacific (M) Sdn Bhd
4. MY US Pizza Sdn Bhd	8. Smart Reader Worldwide

b) Osaka, Jepun

MFA telah menganjurkan Misi Perdagangan ke Osaka, Jepun yang berlangsung pada 27 hingga 29 Ogos 2025 bersempena FRAX Osaka 2025. Misi ini telah disertai oleh tujuh (7) syarikat francais Malaysia yang mewakili pelbagai sektor industri dengan tujuan meneroka peluang pengembangan perniagaan, membina jaringan strategik dan memperkenalkan jenama francais Malaysia kepada pelabur serta rakan niaga berpotensi di pasaran Jepun. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Jepun merupakan antara ekonomi terbesar dunia yang mempunyai kuasa beli tinggi, budaya perniagaan yang matang serta pengguna yang menitikberatkan aspek kualiti, inovasi dan konsistensi perkhidmatan. Pasaran Jepun menawarkan peluang yang signifikan khususnya kepada sektor pendidikan, makanan dan minuman serta perkhidmatan yang mempunyai sistem operasi yang kukuh dan berdaya saing.

Selain penyertaan dalam pameran francais, para delegasi turut mengadakan sesi padanan perniagaan, perbincangan strategik serta lawatan industri bagi mendapatkan maklumat mengenai trend pasaran, keperluan pengguna dan peluang pengembangan perniagaan di Jepun. Hasil daripada misi ini, sebanyak RM6.35 juta potensi pelaburan telah direkodkan, sekali gus menunjukkan potensi pasaran Jepun sebagai salah satu destinasi strategik bagi pengembangan jenama francais Malaysia.

PENYERTAAN SYARIKAT FRANCAIS	
1. Bonda Learning Centre Sdn Bhd	5. Q – Dees Worldwide Edusystem
2. City Coin Laundry Sdn Bhd	6. Rotiboy Sdn Bhd
3. Marrybrown Sdn Bhd	7. Smart Reader Worldwide Sdn Bhd
4. My US Pizza Sdn Bhd	

c) Jakarta, Indonesia

MFA telah menganjurkan Misi Perdagangan ke Jakarta, Indonesia yang berlangsung pada 31 Oktober hingga 2 November 2025 bersempena Info Franchise & Business Concept Expo 2025, sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh kedudukan jenama francais Malaysia di pasaran ASEAN.

Misi ini telah disertai oleh 15 syarikat francais Malaysia daripada pelbagai sektor termasuk makanan dan minuman, pendidikan, latihan, perkhidmatan dan pembangunan kanak-kanak. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Puan Najdiah Ismail, Timbalan Setiausaha Bahagian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Indonesia merupakan ekonomi terbesar di ASEAN dengan populasi melebihi 280 juta penduduk serta pertumbuhan kelas pertengahan yang pesat. Persamaan budaya, bahasa dan corak penggunaan antara Malaysia dan Indonesia menjadikan negara tersebut antara pasaran paling berpotensi bagi pengembangan francais Malaysia, khususnya dalam sektor makanan dan minuman, pendidikan serta perkhidmatan.

Sepanjang misi tersebut, para peserta telah menyertai pameran perdagangan, sesi padanan perniagaan, perbincangan strategik dan aktiviti jaringan industri bagi meneroka peluang kerjasama dengan bakal pelabur, pemegang lesen induk serta rakan niaga yang berpotensi di Indonesia. Misi ini telah berjaya merekodkan potensi pelaburan berjumlah RM24.56 juta, sekali gus membuktikan daya saing dan penerimaan positif terhadap jenama francais Malaysia di pasaran serantau.

PENYERTAAN SYARIKAT FRANCAIS	
1. CIC International Incorporated	9. Marrybrown Sdn Bhd
2. Deemcee Sdn Bhd	10. Q – Dees Worlwide Edusystem Sdn Bhd
3. FTW Ventures Sdn Bhd	11. QC Group Sdn Bhd
4. Global Art Sdn Bhd	12. Smart Reader Worldwide Sdn Bhd
5. Itrain Kids Sdn Bhd	13. SRKK Consulting Sdn Bhd
6. Johan Speaking Academy (M) Sdn. Bhd.	14. Tadika A – Z Sdn Bhd
7. Little Caliphs® International Sdn Bhd	15. Tea Garden Management Sdn Bhd
8. My US Pizza Sdn bhd	

PROGRAM LATIHAN PENGANTARABANGSAAN

a) Konvensyen Francais Asean

Konvensyen Francais ASEAN 2025 telah dianjurkan bersempena Franchise International Malaysia (FIM) 2025 pada 7 hingga 8 Mei 2025 di Mandarin Oriental Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Penganjuran konvensyen ini bertujuan menghimpunkan wakil persatuan francais, pemain industri, pembuat dasar dan pakar francais dari negara-negara ASEAN bagi membincangkan isu semasa, peluang kerjasama dan hala tuju pembangunan industri francais serantau. Program ini turut menyokong aspirasi Malaysia untuk memperkukuh kerjasama ekonomi serantau dan meningkatkan keterlihatan industri francais ASEAN di peringkat antarabangsa.

Konvensyen ini dimulai dengan Sesi Breakout pada 7 Mei 2025 di Mandarin Oriental Hotel Kuala Lumpur yang melibatkan seramai 52 peserta terdiri daripada wakil persatuan francais, pemain industri dan pihak yang berkepentingan dari negara ASEAN. Sesi ini berfungsi sebagai platform perbincangan strategik bagi membolehkan peserta bertukar pandangan mengenai cabaran, peluang dan hala tuju pembangunan industri francais di rantau ASEAN. Perbincangan turut memberi tumpuan kepada isu berkaitan kemampanan perniagaan, transformasi digital, pembangunan kapasiti industri, pengembangan pasaran serantau serta usaha memperkukuh kerjasama antara negara anggota ASEAN.

Hasil daripada sesi perbincangan tersebut, para delegasi telah mencapai persetujuan untuk mengangkat tiga (3) Deklarasi Francais ASEAN 2025 sebagai komitmen bersama dalam memperkukuh pembangunan industri francais yang lebih mampan, berdaya saing dan inklusif di peringkat serantau. Deklarasi tersebut adalah seperti berikut::

- Kemampanan Francais ASEAN** – Menggalakkan amalan perniagaan mampan berdasarkan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).
- Digitalisasi Francais ASEAN** – Menggalakkan penggunaan teknologi digital termasuk e-dagang, automasi pemasaran dan sistem pengurusan pelanggan.
- Kerjasama Francais ASEAN** – Memperkukuh kerjasama serantau, perkongsian pengetahuan dan pembangunan kapasiti antara pemain industri dan agensi berkaitan.

Deklarasi tersebut telah ditandatangani oleh wakil persatuan francais di negara ASEAN pada 7 Mei 2025 sebagai simbol komitmen bersama dalam memperkuat pembangunan industri francais serantau yang lebih mampan, digital dan inklusif. Sebagai susulan kepada deklarasi tersebut, enam (6) persatuan francais ASEAN telah menyatakan persetujuan untuk memperkuat kerjasama melalui cadangan penubuhan kumpulan ASEAN Franchise Networking, dengan MFA dicadangkan sebagai sekretariat penyelaras bagi menggerakkan agenda kerjasama tersebut.

Pada 8 Mei 2025, Konvensyen diteruskan dengan Persidangan dan Forum ASEAN Franchise Convention di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) yang berjaya menarik penyertaan lebih 150 peserta. Program ini menampilkan lapan (8) pembentang dari Malaysia, Singapura, Filipina, Thailand, Vietnam dan Indonesia yang berkongsi pandangan mengenai trend industri, strategi pengembangan perniagaan, transformasi digital, pembangunan modal insan dan peluang kerjasama francais di rantau ASEAN.

Bagi melengkapkan program, International Networking Dinner telah diadakan pada 7 Mei 2025 di Mandarin Oriental Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Majlis ini menghimpunkan kira-kira 150 jemputan yang terdiri daripada wakil kerajaan dan agensi, persatuan francais antarabangsa, pelabur, kedutaan, pemain industri dan rakan strategik dalam ekosistem francais. Program ini telah menyediakan platform penting bagi memperkuat jaringan kerjasama, membina hubungan perniagaan baharu dan meningkatkan keterlihatan industri francais Malaysia di peringkat serantau.

b) Certified Franchise Executive

Program Certified Franchise Executive (CFE) merupakan inisiatif pembangunan profesional industri francais yang diperkenalkan di bawah Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) bagi melahirkan kumpulan profesional francais yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Program ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan Philippine Franchise Association (PFA) selaku pemegang lesen program CFE di Asia Tenggara yang diiktiraf oleh International Franchise Association (IFA), Amerika Syarikat. Pelaksanaan program ini bertujuan menyediakan laluan pembangunan profesional yang lebih tersusun kepada pemain industri francais Malaysia serta memperkuat keupayaan syarikat tempatan dalam menghadapi cabaran pengembangan perniagaan di pasaran global.

Bagi tahun 2025, seramai 10 wakil industri francais Malaysia telah dipilih sebagai kumpulan perintis (pioneer group) di bawah inisiatif EFDP untuk mengikuti program CFE secara lebih komprehensif sebagai usaha membangunkan kumpulan pemimpin dan profesional industri yang mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan francais negara pada masa hadapan.

Pensijilan CFE memerlukan peserta mengumpul 3,500 mata (points) melalui kombinasi pengalaman industri, pendidikan profesional dan penglibatan dalam aktiviti pembangunan industri yang diiktiraf. Struktur utama program ini merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu Pengalaman Industri Francais (Professional Experience), Penyertaan Mini Master Class CFE dan Penyertaan dalam Program Pendidikan, Persidangan dan Pameran Francais Antarabangsa yang diiktiraf.

Bagi mencapai sasaran melahirkan 10 graduan perintis CFE di bawah program EFDP, para peserta telah mengikuti laluan pembangunan profesional yang merangkumi empat (4) siri Mini Master Class CFE serta empat (4) penyertaan dalam program pendidikan, persidangan dan pameran francais antarabangsa yang diiktiraf di bawah sistem pengumpulan mata CFE.

Penyertaan dalam program-program ini telah membolehkan peserta memperkuat pengetahuan, meningkatkan kompetensi profesional serta memperoleh pendedahan secara langsung kepada amalan terbaik industri francais di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain menyokong keperluan pengumpulan mata bagi pensijilan CFE, inisiatif ini turut menyumbang kepada usaha membangunkan barisan profesional francais yang lebih kompeten, berdaya saing dan berupaya menyokong pertumbuhan serta pengantarabangsaan industri francais Malaysia pada masa hadapan.

Program ini turut menjadi asas kepada pembangunan kumpulan profesional francais tempatan yang berpotensi menjadi mentor, pemimpin industri dan rujukan dalam pembangunan francais negara pada masa hadapan.

Siri Mini Masterclass

BIL	PROGRAM	SPEAKER	TARIKH	LOKASI
1	Mini Master Class – Strengthening Your Franchise Foundations	Dr. Benjamin C. Litalien	22 – 24 Apr 2025	Manila, Filipina
3	Mini Master Class – Developing High Performance Franchise System	Jason Gerkhe	5 - 6 Mei 2025	Mandarin Hotel Kuala Lumpur
4	Mini Master Class – Accelerating Franchise Expansion	Dr. Benjamin C. Litalien	12 - 13 Okt 2025	M World Hotel Selangor
5	Mini Master Class – Franchise Relationship Management	Greg Nathan	19 – 20 Nov 2025	M World Hotel Selangor

Siri Penyertaan dalam Program Pendidikan, Persidangan dan Pameran Francais Antarabangsa

BIL	PROGRAM	TARIKH	LOKASI
1	Franchise Asia Philippine 2025 Expo & Conference	25 - 26 Apr 2025	Manila, Filipina
3	Franchise International Malaysia 2025 & ASEAN Franchise Convention 2025	7 – 9 Mei 2025	Kuala Lumpur
4	Franchising & Licensing Asia 2025 (FLAsia) Expo & Conference	18-20 Sep 2025	Singapura
5	Indonesia Franchise Business Opportunities 2025, Roundtable Discussion and Business Visit	30 Okt – 1 Nov 2025	Jakarta, Indonesia

Selain kumpulan peserta perintis di bawah program EFDP, MFA turut membuka peluang kepada ahli-ahli Persatuan untuk menyertai siri Mini Master Class CFE yang dianjurkan sepanjang tahun sebagai platform pembangunan profesional, perkongsian ilmu dan peningkatan kompetensi dalam bidang francais.

Inisiatif ini dilaksanakan bagi menggalakkan lebih ramai pemain industri, pengamal francais dan profesional berkaitan menyertai laluan pensijilan CFE, sekali gus menyokong hasrat MFA untuk melahirkan lebih ramai profesional francais bertaualiah di Malaysia. Usaha ini juga selaras dengan keperluan industri yang semakin memerlukan tenaga profesional berkemahiran tinggi dalam aspek pembangunan sistem francais, pengurusan operasi, pengembangan pasaran dan tadbir urus perniagaan francais.

Pelaksanaan program CFE mencerminkan komitmen MFA dalam memperkukuh pembangunan kapasiti industri melalui akses kepada standard pembelajaran dan pensijilan bertaraf antarabangsa. Program ini bukan sahaja meningkatkan daya saing, profesionalisme dan kesiapsiagaan pemain industri francais Malaysia, malah turut menyokong pembangunan laluan kerjaya profesional dalam industri francais serta melahirkan barisan pemimpin industri yang berupaya memacu pertumbuhan dan pengantarabangsaan francais Malaysia pada masa hadapan.

c) Webinar

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh perkongsian ilmu dan kesiapsiagaan syarikat francais untuk meneroka pasaran antarabangsa, MFA telah melaksanakan beberapa siri webinar yang memberi fokus kepada perkembangan pasaran luar negara, trend industri dan strategi kemasukan pasaran.

Program-program webinar ini telah memberi peluang kepada peserta untuk mendapatkan maklumat pasaran secara langsung daripada pakar industri dan wakil negara sasaran, sekali gus membantu syarikat membuat penilaian awal sebelum melaksanakan strategi pengembangan perniagaan di peringkat antarabangsa.

BIL	PROGRAM	TARIKH	PESERTA
1	WEBINAR : International Market Update Session for Philippine's Market	20 Mac 2025	73 Peserta Online
2	WEBINAR: Expanding East: Franchise Trends and Entry Strategies in Osaka & Shanghai	4 Jun 2025	50 Peserta Online

PENGURUSAN ACARA

FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2025 (FIM2025): PAMERAN DAN KONVENSYEN

Franchise International Malaysia (FIM) 2025 telah berlangsung dari 7 hingga 10 Mei 2025 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) dan kekal sebagai platform pameran dan pembangunan francais terbesar serta paling berprestij di Malaysia. Penganjuran FIM2025 merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MFA dalam memperkukuh ekosistem francais negara, meningkatkan peluang pelaburan, memperluaskan jaringan perniagaan dan mempromosikan jenama francais tempatan ke peringkat antarabangsa.

FIM merupakan satu-satunya pameran francais berskala besar di Malaysia yang mendapat pengiktirafan daripada World Franchise Council (WFC), Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Pengiktirafan ini mengukuhkan kedudukan FIM sebagai platform utama bagi pembangunan, promosi dan pengantarabangsaan industri francais Malaysia.

Bertemakan "*Network. Net Worth. Franchising.*", FIM2025 telah menghimpunkan lebih 150 syarikat francais tempatan dan antarabangsa daripada 14 negara, termasuk Amerika Syarikat, Australia, China, Filipina, India, Indonesia, Itali, Jepun, Korea Selatan, Singapura, Taiwan, Thailand, Vietnam dan Malaysia. Penyertaan antarabangsa yang memberangsangkan ini mencerminkan keyakinan berterusan terhadap Malaysia sebagai destinasi strategik bagi pembangunan dan pelaburan francais di rantau ASEAN.

Pameran ini melibatkan sebanyak lebih 240 reruai pameran yang menampilkan pelbagai sektor perniagaan termasuk makanan dan minuman, pendidikan, peruncitan, perkhidmatan, teknologi, penjagaan kesihatan dan kecantikan, peruncitan, vendor serta institusi sokongan dalam ekosistem francais. Sepanjang tiga hari penganjuran, FIM2025 telah berjaya menarik lebih 25,000 pengunjung dari dalam dan luar negara serta merekodkan potensi pelaburan bernilai RM501 juta, sekali gus membuktikan peranan FIM sebagai pemangkin kepada pertumbuhan dan pengembangan industri francais negara.

Selain pameran perdagangan, FIM2025 turut menjadi platform perkongsian ilmu dan pembangunan industri melalui penganjuran pelbagai program sampingan termasuk ASEAN Franchise Convention 2025, sesi padanan perniagaan antarabangsa, forum industri, sesi pitching, klinik francais dan aktiviti jaringan perniagaan. Program-program ini telah menyediakan peluang kepada peserta untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai trend industri, peluang pelaburan serta strategi pengembangan perniagaan di peringkat tempatan dan global.

Kejayaan penganjuran FIM2025 bukan sahaja mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai antara destinasi dan platform francais utama di rantau ASEAN, malah memperlihatkan peranan MFA sebagai pemudah cara yang menghubungkan pemain industri, pelabur, agensi kerajaan dan rakan strategik dalam memacu pertumbuhan industri francais yang mampan, berdaya saing dan bertaraf antarabangsa.

Penganjuran FIM2025 turut mendapat sokongan padu daripada pelbagai rakan strategik termasuk Q-Solve, NU Vending, Marrybrown, Home Maths Therapy, Harta Rovers & Rangers, US Pizza, King's Park dan TreeAMS, yang telah memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan program ini.

FIM2025 turut mencatat sejarah apabila diiktiraf oleh ASEAN Records sebagai "The Longest Consecutively Organised Franchise Exhibition in ASEAN", menjadikan Malaysia negara pertama menerima pengiktirafan tersebut hasil penganjuran pameran francais secara konsisten selama 32 edisi sejak tahun 1994. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan MFA dalam membangunkan industri francais negara dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai salah satu ekosistem francais yang paling aktif dan matang di rantau ASEAN.

FIM2025 telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 27 Februari 2025 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Majlis pelancaran tersebut telah dijayakan oleh pempamer, pemain industri, rakan strategik dan wakil media sebagai simbol sokongan terhadap pembangunan industri francais negara.

MALAM ANUGERAH FRANCAIS 2025 (MAF2025)

Anugerah Francais Malaysia (MAF) 2025 telah berlangsung pada 15 Disember 2025 di Grand Ballroom, The Majestic Hotel Kuala Lumpur dengan kehadiran lebih 800 tetamu yang terdiri daripada pemain industri francais, agensi kerajaan, rakan strategik, institusi sokongan industri dan komuniti perniagaan. Majlis berprestij ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Sebagai program pengiktirafan francais kebangsaan yang dianjurkan secara berterusan sejak tahun 1997, MAF terus menjadi platform utama dalam mengiktiraf kecemerlangan francaisor, francais, institusi sokongan dan individu yang menyumbang kepada pembangunan industri francais negara.

Pada tahun 2025, sebanyak 18 kategori anugerah telah dipertandingkan dan dinilai secara profesional oleh panel penilai dan Jawatankuasa Pemilih yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, badan profesional, institusi sokongan serta institusi pengajian tinggi. Antara organisasi yang terlibat dalam proses penilaian termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Malaysia Productivity Corporation (MPC), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Halal Development Corporation (HDC), Credit Guarantee Corporation (CGC), Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) serta wakil akademik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Pahang Sultanah Al-Abdullah (UMP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Utara Malaysia.

Pada malam tersebut, QC Group Sdn. Bhd. (Home Maths Therapy) telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Francais Terbaik 2025, iaitu pengiktirafan tertinggi yang diberikan kepada jenama francais yang menunjukkan prestasi cemerlang dari aspek pertumbuhan perniagaan, inovasi, tadbir urus dan pembangunan sistem francais.

Para pemenang bagi kategori utama, Sistem Francais, Francaisor Antarabangsa dan Francaisi telah menerima trofi dan sijil penghargaan tajaan Perbadanan Nasional Berhad (Pernas). Bagi pemenang utama Francais Terbaik 2025, pemenang turut menerima hadiah khas berupa *treadmill* tajaan Gintell, selain trofi dan sijil penghargaan. Sementara itu, pemenang bagi kategori ESG, Terbuka dan Penghargaan Khas, menerima trofi dan sijil penghargaan tajaan SME Bank, manakala pemenang bagi kategori Media turut hadiah sumbangan hadiah sumbangan daripada Gintell sebagai pengiktirafan atas sumbangan dan sokongan kepada pembangunan industri francais.

Satu pencapaian bersejarah turut direkodkan apabila MFA menerima pengiktirafan daripada ASEAN Records dan ASIA Records bagi kategori "Longest Consecutive Government-Recognised Franchise Award Programme in ASEAN and Asia". Pengiktirafan ini diberikan kepada Anugerah Francais Malaysia yang telah dianjurkan secara konsisten selama 27 edisi sejak tahun 1997, melibatkan seramai 386 penerima anugerah, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai antara program pengiktirafan francais paling berprestij di rantau ini.

Majlis turut diserikan dengan persembahan daripada artis dan penghibur terkenal seperti Marsha Milan, Nakasutra, Issabella Soliano serta persembahan khas daripada Sekolah Seni Tari Kuala Lumpur, yang telah menambahkan kemeriahan dan prestij acara tersebut.

Penganjuran MAF2025 turut disokong oleh penaja dan rakan strategik termasuk Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), SME Bank Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Harta Maintenance Sdn. Bhd., Marrybrown Sdn. Bhd., CSQ International Consulting Sdn. Bhd., Nakanishi Group dan Home Maths Therapy.

Pada malam ini juga, MFA telah memperkenalkan inisiatif khas dengan memberikan satu (1) penyertaan percuma kepada ahli MFA yang sah bagi membolehkan lebih ramai ahli menghadiri dan menikmati manfaat daripada majlis pengiktirafan paling berprestij dalam industri francais negara. Inisiatif ini berjaya meningkatkan penglibatan ahli serta mengukuhkan jaringan hubungan dalam kalangan pemain industri.

Kejayaan penganjuran MAF2025 membuktikan komitmen berterusan MFA dalam mengiktiraf kecemerlangan industri, memperkukuh budaya prestasi tinggi, menggalakkan amalan perniagaan terbaik serta meningkatkan profil dan kredibiliti industri francais Malaysia di peringkat nasional, ASEAN dan antarabangsa.

Senarai Pemenang Anugerah Francais 2025

ANUGERAH	PEMENANG
Francais Terbaik	QC Group Sdn Bhd (Home Maths Therapy)
Francaisor Terbaik	QC Group Sdn Bhd (Home Maths Therapy)
Francaisor Harapan Terbaik	Deemcee Sdn Bhd (Deemcee)
Francaisor Antarabangsa Terbaik	City Coin Laundry Sdn Bhd (Laundrybar)
Francaisor Harapan Antarabangsa Terbaik	My US Pizza Sdn Bhd (US Pizza)
Francaisi Single-Unit Terbaik	Pusat Perkembangan Minda Warisan Lestari (Home Maths Therapy)
Francaisi Multi-Unit Terbaik	Pusat Perkembangan Minda Akal Pintar (Home Maths Therapy)
Francaisi Antarabangsa Multi-Unit Terbaik	Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd (Seoul Garden)
Francaisi Harapan Malaysia Terbaik	Laura Furla Ventures (Siti Khadijah)
Majikan Francais Terbaik	Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown)
Inovasi Francais Terbaik	Qc Group Sdn Bhd (Home Maths Therapy)

ANUGERAH	PEMENANG
Rakan Francais Terbaik	Khalek Awang & Associates (Khalek Awang & Associates)
Francais Lestari Terbaik	Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd (Siti Khadijah)
CSR Terbaik Ekosistem Francais	Qc Group Sdn Bhd (Home Maths Therapy)
Tadbir Urus Francais Terbaik	Qc Group Sdn Bhd (Home Maths Therapy)
Penulis Artikel Francais Terbaik	Teng Khoon Hock (Bernama)
Artikel Francais Terbaik	Tony Thompson Goh
Media Sosial Francais Terbaik	Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd (Siti Khadijah)

Senarai Penerima Penghargaan Khas 2025

PENGHARGAAN	PENERIMA
Ahli Setia	Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd (Avon Cosmetic) Franchise Technology & Methods Sdn Bhd (Ft Consulting) Manjit Sign Sachdev, Mohamed Radzi & Partners (Manjit Sign Sachdev, Mohamed Radzi & Partners) Raja, Darryl & Loh (Raja, Darryl & Loh)
Organisasi	Malaysia External Trade Development Corporation (Matrade) Philipine Franchise Association (PFA)
Individu	YBhg. Dato Rohaizi Bin Bahari

PERKHIDMATAN MEDIA DAN ACARA

MFA juga menyediakan perkhidmatan pengurusan acara kepada ahli yang memerlukan bantuan dalam penganjuran acara bagi melaksanakan aktiviti atau pelancaran produk perniagaan. Kemudahan ini dibuat bagi membantu ahli untuk merancang dan menguruskan majlis atau acara yang hendak dilakukan. Perkhidmatan meliputi antaranya pembentukan atur cara yang unik dan menarik, kemahiran protokol, publisiti, sambutan, teknikal, persembahan dan muzik, makanan dan minuman, dekorasi, dan lain-lain yang berkaitan.

Selain itu, Perkhidmatan Pakej Media dibuat bagi membantu ahli untuk mempromosikan jenama syarikat mereka kepada umum melalui saluran komunikasi MFA dan media arus perdana. Perkhidmatan ini meliputi khidmat pengiklanan dan editorial di media elektronik, media cetak dan media digital, hebahan berita serta penganjuran sidang media. Pelbagai pakej disediakan mengikut keperluan syarikat. Selain itu, MFA juga menyediakan khidmat rekaan grafik dan penyediaan item promosi bagi tujuan ini. Perkhidmatan ini terbuka kepada ahli dan bukan ahli. Pada tahun 2025, 19 perkhidmatan media telah diberikan dan butirannya seperti berikut:

BIL	JENAMA	TARIKH	BUTIRAN
1.	Itrain Kids	10/1/2025	▪ Hebahan media sosial & EDM Blast
2.	Yamaha Music	6/2/2025	▪ Hebahan Media sosial
3.	Cornbro	8/5/2025	▪ Iklan Franchise Mind
4.	Papparich	8/5/2025	▪ Iklan Franchise Mind
5.	Boss Boleh	8/5/2025	▪ Iklan Franchise Mind
6.	Oldtown White Coffee	8/5/2025	▪ Iklan Franchise Mind
7.	Kumon	8/5/2025	▪ Iklan Franchise Mind
8.	E-lons	8/5/2025	▪ Iklan Franchise Mind
9.	Yong Kang	8/5/2025	▪ Iklan Franchise Mind
10.	Marrybrown	22/9/2025	▪ Cover Story Franchise Mind
11.	Midyson	1/10/2025	▪ Cover Story Franchise Mind
12.	Harta Maintenance	15/12/2025	▪ Iklan – Buku Program & Web Banner
13.	Marrybrown	15/12/2025	▪ Iklan – Buku Program & Web Banner
14.	CSQ International	15/12/2025	▪ Iklan – Buku Program & Web Banner
15.	PERNAS	15/12/2025	▪ Iklan – Buku Program & Web Banner
16.	SME Bank	15/12/2025	▪ Iklan – Buku Program & Web Banner
17.	US Pizza	15/12/2025	▪ Iklan – Buku Program & Web Banner
18.	Gintell	15/12/2025	▪ Iklan – Buku Program & Web Banner
19.	Ayam Penyet Best	15/12/2025	▪ Iklan – Buku Program & Web Banner

PROGRAM LATIHAN

Pembangunan modal insan dan peningkatan kompetensi pemain industri francais terus menjadi antara fokus utama MFA dalam memastikan industri francais Malaysia kekal berdaya saing dan mampu memenuhi keperluan pasaran yang semakin mencabar. Sehubungan itu, MFA telah melaksanakan pelbagai program latihan dan pembangunan kapasiti sepanjang tahun 2025 yang merangkumi aspek pembangunan francais, pematuhan perundangan, pengurusan operasi, pembangunan perniagaan dan pengantarabangsaan.

Selain penganjuran kursus dan latihan, MFA juga kerap dijemput sebagai penceramah, panel forum dan pakar rujuk dalam pelbagai program anjuran kementerian, agensi kerajaan, institusi pendidikan dan organisasi berkaitan bagi berkongsi perkembangan terkini industri francais, peluang perniagaan francais, amalan terbaik industri serta hala tuju pembangunan francais negara.

Bagi memperkukuh pembangunan kapasiti industri di peringkat yang lebih tinggi, MFA turut melaksanakan pelbagai program pembangunan profesional termasuk Certified Franchise Executive (CFE), webinar pasaran antarabangsa, sesi taklimat pengembangan perniagaan ke luar negara serta program latihan di bawah Enhanced Franchise Development Programme (EFDP). Perincian mengenai program-program tersebut dilaporkan di bawah laporan Program Latihan Pengantarabangsaan dalam laporan ini.

Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF)

Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF) merupakan program latihan asas yang bertujuan memberikan pendedahan kepada bakal usahawan, pelabur dan penggiat industri mengenai konsep, prinsip dan amalan perniagaan francais. Program ini turut memberi panduan kepada peserta dalam menilai potensi sesuatu perniagaan francais serta memahami peranan dan tanggungjawab sebagai franchisor atau francais. Program ini turut menampilkan sesi perkongsian pengalaman oleh franchisor dan francais yang terdiri daripada ahli MFA, sekali gus memberi peluang kepada peserta untuk memahami pengalaman sebenar dalam mengendalikan perniagaan francais. Selain itu, para penceramah yang dijemput turut terdiri daripada perunding francais, firma guaman dan institusi kewangan yang berkongsi pandangan dari perspektif profesional masing-masing.

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Kursus Asas Perniagaan Francais	23-24 Julai 2025	Pusat Latihan MFA, Kuala Lumpur
2	Kursus Asas Perniagaan Francais	27-28 Okt 2025	KIP Hotel Kuala Lumpur

Kursus Bakal Perunding Francais

Kursus ini dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme perunding francais dalam membimbing franchisor dan francais secara strategik. Program ini memberi pendedahan praktikal mengenai pembangunan sistem francais, penyediaan dokumentasi, pembangunan model perniagaan serta pemahaman terhadap dasar dan peraturan yang berkaitan dengan industri francais. Kursus ini turut menyokong usaha MFA untuk melahirkan lebih ramai perunding francais yang berkelayakan dan berupaya membantu pembangunan industri secara profesional serta mampan.

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Kursus Bakal Perunding Francais	20-21 Dis 2025	Tamu Hotel and Suites

Kursus Bakal Franchisor

Kursus Bakal Franchisor direka khusus untuk membantu pemilik perniagaan yang berhasrat mengembangkan perniagaan melalui model francais. Program ini memberi pemahaman menyeluruh mengenai pembangunan sistem francais, penyediaan dokumentasi, aspek perundangan, proses pendaftaran francais serta strategi pengurusan dan pemasaran yang berkesan. Melalui kursus ini, peserta didedahkan kepada langkah-langkah penting dalam membangunkan perniagaan yang bersedia untuk difrancaiskan serta amalan terbaik bagi memastikan pertumbuhan perniagaan yang mampan dan berdaya saing.

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Kursus Bakal Franchisor	22-23 Nov 2025	KIP Hotel Kuala Lumpur

SOKONGAN KEAHLIAN

Selaras dengan komitmen MFA untuk meningkatkan nilai keahlian dan memperkukuh hubungan dengan ahli, pelbagai inisiatif sokongan keahlian telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025. Inisiatif ini merangkumi program penglibatan ahli, promosi dan penjenamaan ahli, komunikasi digital, khidmat konsultansi serta usaha pengembangan keahlian bagi memastikan MFA terus relevan dan memberikan manfaat yang signifikan kepada ahli-ahlinya.

Program Enhance Members Benefit Program (EMBI)

Bagi memperkukuh hubungan dengan ahli serta meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, MFA telah memperkenalkan Enhance Members Benefit Initiative (EMBI) sebagai salah satu inisiatif utama pengurusan keahlian. Melalui program ini, setiap sekretariat MFA telah dilantik sebagai Pegawai Perhubungan Ahli yang bertanggungjawab menguruskan antara 20 hingga 30 ahli. Pendekatan ini membolehkan komunikasi yang lebih dekat, responsif dan berkesan antara MFA dan ahli, di samping memastikan setiap ahli menerima maklumat terkini mengenai program, inisiatif dan peluang yang ditawarkan oleh Persatuan.

Selain menyampaikan maklumat berkaitan aktiviti dan program MFA, Pegawai Perhubungan Ahli turut berperanan mendapatkan maklum balas ahli mengenai isu semasa industri, mengenal pasti keperluan ahli serta membantu menghubungkan ahli dengan perkhidmatan dan inisiatif yang disediakan oleh MFA.

Sesi Libat Urus Bersama Bakal Ahli

MFA turut melaksanakan pelbagai sesi libat urus bersama bakal ahli sebagai sebahagian daripada strategi memperkukuh keahlian dan meningkatkan kesedaran terhadap peranan Persatuan dalam pembangunan industri francais negara. Sesi ini bertujuan memperkenalkan manfaat keahlian MFA, berkongsi perkembangan terkini industri francais serta membina hubungan awal dengan organisasi dan individu yang berpotensi menyertai Persatuan. Pendekatan ini turut memberi ruang kepada MFA untuk mendapatkan maklum balas secara langsung daripada pemain industri mengenai keperluan dan cabaran yang dihadapi.

Liputan Media

Sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan nilai keahlian, MFA terus berperanan sebagai platform yang membantu mempromosikan profil, pencapaian dan aktiviti ahli melalui pelbagai saluran komunikasi rasmi Persatuan. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 73 artikel dan berita berkaitan ahli telah diterbitkan dan dipromosikan melalui saluran media rasmi MFA. Inisiatif ini bukan sahaja membantu meningkatkan keterlihatan jenama ahli, malah turut mempromosikan kejayaan dan perkembangan industri francais Malaysia kepada khalayak yang lebih luas.

Komunikasi Digital dan Media Sosial

MFA terus memperkukuh komunikasi digital sebagai medium utama penyampaian maklumat kepada ahli, pemain industri dan pihak berkepentingan. Sepanjang tahun 2025, pelbagai aktiviti promosi, hebahan program, perkongsian maklumat industri dan kepenn pengambilan ahli telah dilaksanakan melalui platform digital rasmi Persatuan bagi memastikan maklumat dapat disampaikan secara pantas, meluas dan berkesan.

Promosi dan komunikasi digital MFA dilaksanakan melalui tujuh (7) saluran utama iaitu Facebook, Instagram, X (Twitter), LinkedIn, Telegram, emel pemasaran dan laman sesawang rasmi MFA. Penggunaan pelbagai platform ini telah membantu meningkatkan keterlihatan program dan aktiviti MFA, di samping memperkukuh hubungan dan penglibatan dengan komuniti francais global. Selain itu, MFA turut menyediakan ruang kepada ahli untuk berkongsi perkembangan terkini perniagaan mereka melalui platform digital rasmi MFA. Ahli digalakkan untuk menandakan (tag) atau berkongsi maklumat berkaitan pelancaran produk baharu, promosi, pembukaan outlet, pencapaian syarikat, aktiviti korporat dan pengumuman penting lain bagi membolehkan hebahan dibuat kepada rangkaian pengikut dan komuniti francais MFA.

Inisiatif ini bukan sahaja membantu meningkatkan pendedahan dan promosi kepada ahli, malah turut menyokong usaha MFA dalam memperkukuh keterlihatan jenama francais tempatan serta membina ekosistem komunikasi industri yang lebih aktif, dinamik dan saling menyokong.

Laman Sesawang Rasmi MFA

Laman sesawang rasmi MFA terus berfungsi sebagai platform rujukan utama bagi ahli, bakal ahli dan pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklumat mengenai industri francais serta aktiviti Persatuan. Sebagai salah satu

manfaat keahlian, MFA menyediakan ruang promosi kepada ahli melalui paparan profil syarikat dan logo korporat di laman sesawang rasmi. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 177 Ahli Biasa yang terdiri daripada franchisor, francais induk dan institusi sokongan telah menerima manfaat ini.

Konsultansi dan Info Servis

MFA terus menyediakan perkhidmatan konsultansi, khidmat nasihat dan info servis kepada ahli serta orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat mengenai perniagaan francais dan perkembangan semasa industri. Perkhidmatan ini merangkumi penerangan mengenai asas perniagaan francais, pembangunan sistem francais, peluang perniagaan, pematuhan perundangan dan pelbagai isu berkaitan industri. Bagi ahli MFA, kemudahan Counselling and Conciliation Services serta MFA Legal Clinic turut disediakan sebagai platform penyelesaian awal bagi isu dan pertikaian yang melibatkan pemain industri.

Bagi meningkatkan kesedaran mengenai perkhidmatan ini, MFA telah memperluaskan promosi melalui laman sesawang dan media sosial sepanjang tahun 2025. Selain menerima pelbagai pertanyaan berkaitan industri, MFA turut mengendalikan beberapa sesi perbincangan awal berkaitan aduan dan pertikaian sebelum merujuk pihak yang berkaitan kepada saluran atau agensi yang bersesuaian seperti KUSKOP, PERNAS dan MyIPO untuk tindakan lanjut.

Pelaksanaan pelbagai inisiatif sokongan keahlian sepanjang tahun 2025 mencerminkan komitmen berterusan MFA dalam meningkatkan pengalaman keahlian, memperkukuh penglibatan ahli serta memastikan MFA terus menjadi platform utama yang menyokong pertumbuhan dan pembangunan komuniti francais Malaysia.

Promosi Ahli Melalui Penyertaan Pameran dan Misi Perdagangan

Sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan nilai keahlian dan memperluaskan keterlihatan jenama ahli, MFA turut menyediakan platform promosi kepada ahli melalui penyertaan dalam pelbagai pameran, ekspo, misi perdagangan dan program jaringan perniagaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sepanjang tahun 2025, logo korporat, profil syarikat dan bahan promosi ahli telah dipamerkan di reruai MFA dalam pelbagai program yang disertai oleh Persatuan, termasuk Franchise Expo Malaysia (FEM), Hari Koperasi Malaysia, Franchise International Malaysia (FIM) serta beberapa pameran dan misi perdagangan antarabangsa di Singapura, Indonesia, Filipina, China, Jepun, Kazakhstan dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Inisiatif ini membolehkan ahli-ahli MFA mendapat pendedahan tambahan kepada bakal pelabur, usahawan, agensi kerajaan, pemain industri dan rakan niaga dari dalam dan luar negara tanpa perlu menanggung kos penyertaan secara individu. Selain meningkatkan keterlihatan jenama ahli, usaha ini turut menyokong aktiviti penjenamaan, pengembangan pasaran dan peluang kerjasama perniagaan di peringkat tempatan serta antarabangsa.

Pendekatan ini selaras dengan komitmen MFA untuk terus memperkukuh nilai keahlian melalui penyediaan platform promosi dan jaringan perniagaan yang mampu membantu ahli meningkatkan daya saing serta meneroka peluang pertumbuhan baharu dalam industri francais.

PENGIKLANAN, PUBLISITI & PENERBITAN

LIPUTAN DAN PUBLISITI MEDIA

Liputan Media di Media Cetak dan Digital

MFA terus memperkukuh usaha promosi dan publisiti bagi meningkatkan kesedaran terhadap industri francais serta memperluaskan capaian program-program utama Persatuan. Sepanjang tahun 2025, pelbagai aktiviti promosi telah dilaksanakan melalui media cetak dan digital bagi mempromosikan program utama seperti Franchise International Malaysia (FIM) 2025, ASEAN Franchise Convention (AFC) 2025, Certified Franchise Executive (CFE), Anugerah Francais Malaysia (MAF) 2025 serta pelbagai inisiatif pembangunan industri francais.

Selain penerbitan iklan dan advertorial, MFA turut bekerjasama dengan media tempatan dan antarabangsa bagi meningkatkan keterlihatan industri francais serta mempromosikan penyertaan ahli dalam program-program anjuran MFA. Antara liputan media cetak dan digital yang telah diterbitkan adalah seperti berikut:

KANDUNGAN	MEDIA	TARIKH
CFE, AFC & FIM	China Press	3/3/2025
CFE, AFC & FIM	The Sun Daily	19/3/2025
FIM2025 - Aktiviti	BH	28/3/2025
FIM2025 - Aktiviti	Asiawide	15/4/2025
AFC - Peserta	NST	18/4/2025
FIM2025 - Pameran	Franchise Mind	8/5/2025
AFC2025		
CFE2025		
Keahlian		
CFE - Peserta	NST	29/9/2025

Temuramah dan Bual Bicara Media

Sebagai sebahagian daripada strategi komunikasi dan promosi industri, MFA telah terlibat dalam pelbagai sesi temu bual, bual bicara televisyen, radio dan platform digital sepanjang tahun 2025. Program-program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peluang perniagaan francais, mempromosikan program utama MFA serta mengetengahkan pencapaian industri francais Malaysia.

Selain mempromosikan program anjuran MFA, sesi-sesi ini turut memberi peluang kepada wakil MFA berkongsi pandangan mengenai perkembangan industri francais, peluang pengembangan perniagaan dan inisiatif kerajaan yang berkaitan. Sepanjang tahun 2025, MFA telah menyertai pelbagai sesi media seperti berikut:

MEDIA & SLOT	TARIKH	WAKIL
The Sun Daily – FIM2025	10/2/2025	▪ Liputan Artikel Khas
RTM Berita TV1 – FIM2025	27/2/2025	▪ Liputan Berita
China Press – AFC & FIM2025	28/2/2025	▪ Deric Yeo (Pengarah AFC) ▪ Terry Lim (Timbalan Pengarah AFC)
RTM Biz Malaysia – FIM2025	24/3/2025	▪ Kairul Azman Mohd Yusoh (Pengarah FIM) ▪ Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman (Ahli Jawatankuasa)
RTM Ai FM – FIM2025	27/3/2025	▪ Jacky Lim (Ahli Jawatankuasa)
RTM Traxx FM	10/4/2025	▪ Deric Yeo (Pengarah AFC)
Bernama – Apa Khabar Malaysia?	23/4/2025	▪ Datuk Dr. Radzali Hassan (Pengerusi MFA)
RTM – Selamat Pagi Malaysia	29/4/2025	▪ Kairul Azman Mohd Yusoh (Pengarah FIM)
BFM Radio	30/4/2025	▪ Datuk Dr. Radzali Hassan (Pengerusi MFA)

MEDIA & SLOT	TARIKH	WAKIL
RTM Nasional FM	5/5/2025	▪ Tn. Hj Mohamad Shukri Salleh (Naib Pengerusi MFA)
KOL - China	9/8/2025	▪ Datuk Ramanan Ramakrishnan (Timbalan Menteri KUSKOP)
RTM Berita TV1	22/8/2025	▪ Liputan Berita
RTM Berita TV1	7/10/2025	▪ Datuk Dr. Radzali Hassan (Pengerusi MFA) ▪ Kairul Azman Mohd Yusoh (Setiausaha Agung)
NST		
Bernamea TV		
Bernamea Editorial		
KOL - Indonesia	30/10/2025	▪ Datuk Dr. Radzali Hassan (Pengerusi MFA)
RTM Berita TV 1 – MAF2025	15/12/2025	▪ Datuk Dr. Radzali Hassan (Pengerusi MFA)
Bernamea TV – MAF2025		▪ Datuk Dr. Radzali Hassan (Pengerusi MFA)
Bernamea Editorial – MAF2025		▪ Datuk Dr. Radzali Hassan (Pengerusi MFA)
KOL Malaysia – MAF2025		▪ Pemenang MAF2025

Kempen Komunikasi dan Media Sosial

Bagi memperkukuh keterlibatan masyarakat dan komuniti francais, MFA turut melaksanakan pelbagai kempen komunikasi dan promosi melalui media sosial rasmi Persatuan. Kempen-kempen ini bukan sahaja bertujuan mempromosikan program dan aktiviti MFA, malah membantu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap industri francais serta mempromosikan jenama-jenama francais tempatan.

Antara kempen utama yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025 adalah seperti berikut:

BIL	KEMPEN	TEMPOH	BUTIRAN PERKHIDMATAN
1.	CNY: Wish and Post	Jan 2025	▪ Kempen untuk memeriahkan sambutan perayaan CNY dengan aktiviti seperti #wishandpost
2.	Hari Raya Aidilfitri	Mac 2025	▪ Kempen perayaan untuk memeriahkan sambutan hari raya Aidilfitri dengan video ucapan hari raya oleh JKU dan Sekretariat.
3.	AFC, CFE & FIM2025	Oktober 2025 sehingga Mei 2025	▪ Kempen promosi kepada pempamer telah bermula pada oktober untuk menarik lebih banyak penyertaan di FIM. ▪ Video promosi telah dikongsikan di media sosial FIM serta MFA
4.	World Franchise Day	Jun 2025	▪ Kempen untuk sama-sama meraikan World Franchise Day dengan pelaksanaan beberapa aktiviti seperti video ucapan, snap & win, Fun Fact, countdown dan lain-lain.
5.	Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia	Ogos 2025	▪ Kempen Franchise Merdeka: Crossword Contest ▪ Video nyanyian Saya Anak Malaysia
6.	MAF2025	Jun hingga Dis 2025	▪ Kempen promosi MAF untuk pencalonan dan jualan meja
7.	FIM2025	Okt hingga Dis 2025	▪ Edaran brosur dan poster melalui media sosial

EDITORIAL DAN KENYATAAN MEDIA

Bagi memastikan penyampaian mesej yang konsisten dan profesional, MFA telah menyediakan pelbagai bahan editorial termasuk teks ucapan rasmi, prakata penerbitan dan kenyataan media bagi program-program utama Persatuan. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 16 teks ucapan rasmi telah disediakan melibatkan program utama MFA yang dirasmikan oleh pemimpin kerajaan, agensi dan kepimpinan Persatuan.

PROGRAM	TARIKH	TETAMU KEHORMAT
Pelancaran FIM2025	27/2/2025	Datuk Ewon Benedick, <i>Menteri KUSKOP</i>
		Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, <i>Pengerusi MFA</i>
International Networking Dinner of ASEAN Franchise Convention	7/5/2025	Datuk Ewon Benedick, <i>Menteri KUSKOP</i>
		Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, <i>Pengerusi MFA</i>
Perasmian FIM2025	8/5/2025	Dato' Sri Ahmad Zahid Hamidi, <i>Timbalan Perdana Menteri Malaysia</i>
		Datuk Dr. Radzali Hassan, <i>Pengerusi MFA</i>
Program Yelaoshr	7/5/2025	Datuk Dr. Radzali Hassan, <i>Pengerusi MFA</i>
Misi Perdagangan Khas Kazakhstan	8/5/2025	Datuk Dr. Radzali Hassan, <i>Pengerusi MFA</i>
Mesyuarat Agung & Pelancaran MAF	19/6/2025	Datuk Dr. Radzali Hassan, <i>Pengerusi MFA</i>
Misi Perdagangan China	8/8/2025	Datuk Ramanan Ramakrishnan, <i>Timbalan Menteri KUSKOP</i>
Misi Perdagangan Jepun	27/8/2025	Dato' Saidatu Akhma binti Hassan, <i>Timbalan Ketua Setiausaha KUSKOP</i>
Mesyuarat Agung Khas	3/9/2025	Datuk Dr. Radzali Hassan, <i>Pengerusi MFA</i>
Pelancaran FIM2025	7/10/2025	Datuk Dr. Radzali Hassan, <i>Pengerusi MFA</i>
Malam Anugerah Francais Malaysia 2025	15/12/2025	Dato' Sri Ahmad Zahid Hamidi, <i>Timbalan Perdana Menteri Malaysia</i>
		Datuk Dr. Radzali Hassan, <i>Pengerusi MFA</i>
Majlis Graduasi Little Caliph	21/12/2025	Puan Zuraida Jomri, <i>Ketua Pegawai Eksekutif</i>

Kenyataan Media

Selain itu, sebanyak 12 kenyataan media telah dikeluarkan bagi menghebahkan aktiviti dan pencapaian MFA. Kenyataan media ini telah berjaya menjana liputan meluas melalui media arus perdana dan portal berita dalam talian.

TAJUK	TARIKH	BIL. LIPUTAN
KUSKOP, MFA Anjur Konvensyen dan Pameran Francais Sempena Kepengerusian ASEAN	27/2/2025	25 liputan
Kepengerusian ASEAN 2025 – Malaysia Perkukuh Peranan sebagai Hab Francais ASEAN Menerusi AFC & FIM 2025	8/5/2025	16 liputan
Malam Anugerah Francais Malaysia 2025 Iktiraf Pencapaian Luar Biasa Pemain Industri	19/6/2025	9 liputan
Misi Perdagangan di China Dorong Francais Malaysia Ceburi Pasaran Baharu	8/8/2025	2 liputan
MFA Perkasa Usaha Promosi Francais di Seluruh Negara	12/8/2025	3 liputan
8 Syarikat Francais Malaysia Sertai Misi Perdagangan Ke Jepun	27/8/2025	10 liputan
Francais Malaysia Tembusi Pasaran Asia Tengah: Kazakhstan Gerbang Strategik Ke Eurasia	22/9/2025	9 liputan
FIM2025 Buka Peluang Lebih Luas Perniagaan Francais, Sasar 30,000 Pengunjung	7/10/2025	11 liputan

TAJUK	TARIKH	BIL. LIPUTAN
24 Delegasi Internasional Ikut Hadir di Indonesia Franchise Week 2025, Malaysia bawa 15 brand besar	30/11/2025	8 liputan
Malaysia Perkukuh Kedudukan Francais Global: Misi Perdagangan Strategik ke Dubai Lonjak Pelabuhan dan Akses ke Pasaran Timur Tengah	26/11/2025	3 liputan
HOME Maths Therapy Dinobat Francais Terbaik Dua Tahun Berturut-turut	15/12/2025	16 liputan
8 Syarikat Francais Malaysia Sertai Misi Perdagangan Ke Jepun	16/12/2025	15 liputan

PENERBITAN

MFA turut menerbitkan pelbagai bahan penerbitan sepanjang tahun 2025 bagi menyokong aktiviti promosi, perkongsian maklumat industri dan dokumentasi program-program utama Persatuan. Penerbitan yang dihasilkan merangkumi majalah industri, buku program, laporan tahunan dan bahan promosi yang diedarkan kepada ahli, bakal ahli, agensi kerajaan, pelabur serta pihak berkepentingan lain.

TARIKH KELUARAN	EDISI	TOPIK HIGHLIGHT
8 Mei 2025	Vol.1/2025	FIM Special Edition
Jun 2025	-	Laporan Tahunan
30 Ogos 2025	Vol.2/2025	Marrybrown
15 Dis 2025	-	Buku Program MAF
30 Dis 2025	Vol.3/2025	Midyson

TADBIR URUS KORPORAT

MFA komited untuk mengamalkan prinsip tadbir urus yang baik, telus dan bertanggungjawab selaras dengan Akta Pertubuhan 1966, Undang-Undang Tubuh MFA serta amalan terbaik pengurusan organisasi bukan berasaskan keuntungan. Tadbir urus yang berkesan merupakan asas penting dalam memastikan MFA terus berfungsi sebagai platform yang diyakini oleh ahli, agensi kerajaan, rakan strategik dan pihak berkepentingan dalam pembangunan industri francais negara.

Tahun 2025 merupakan tahun yang signifikan dalam usaha memperkukuh tadbir urus Persatuan. Selain pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas, MFA turut melaksanakan program pemutihan keahlian, semakan status pematuhan ahli berdasarkan Akta Francais 1998 (Pindaan 2020), pengukuhan struktur jawatankuasa, serta Penilaian Risiko Strategik bagi menilai tahap kesiapsiagaan organisasi dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Pada 3 September 2025, MFA telah mengadakan Mesyuarat Agung Khas bagi membincangkan dan meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh Persatuan. Cadangan pindaan tersebut telah diluluskan sebulat suara oleh ahli yang hadir dan seterusnya mendapat kelulusan rasmi daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada 3 Mac 2026. Pindaan ini bertujuan memperkukuh aspek tadbir urus, memperkemas struktur organisasi serta memastikan Undang-Undang Tubuh MFA kekal relevan dengan keperluan semasa industri dan organisasi.

Selain itu, MFA turut melaksanakan Program Pemutihan Keahlian secara berperingkat bagi memastikan ketepatan data keahlian, meningkatkan pematuhan kepada Undang-Undang Tubuh MFA serta memastikan hanya ahli yang memenuhi syarat keahlian kekal berdaftar. MFA juga menjalankan semakan silang dengan sistem MyFEX 2.0 dan rekod Pendaftar Francais bagi memastikan kategori keahlian Ahli Biasa yang terdiri daripada francaisor, francaisi induk dan francaisi adalah selaras dengan keperluan Akta Francais 1998 (Pindaan 2020).

Bagi memperkukuh lagi amalan tadbir urus korporat, MFA telah menjalankan Penilaian Risiko Strategik oleh Juruaudit Dalam yang merangkumi aspek perancangan strategik, kemampanan kewangan, keupayaan operasi, pengurusan sumber manusia, hubungan pemegang taruh, reputasi organisasi dan pematuhan.

Secara keseluruhannya, pelbagai inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun 2025 mencerminkan komitmen berterusan MFA dalam memperkukuh tadbir urus organisasi, meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan, serta memastikan setiap keputusan dan tindakan yang diambil sentiasa berteraskan kepentingan ahli dan pembangunan industri francais negara.

KEPIMPINAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa Utama merupakan badan penggubal dasar tertinggi MFA yang bertanggungjawab menentukan hala tuju strategik Persatuan, memantau prestasi organisasi serta memastikan kepentingan ahli dan industri francais sentiasa dipelihara. Komposisi Jawatankuasa Utama adalah terdiri daripada wakil Ahli Biasa yang dipilih melalui Mesyuarat Agung Tahunan selaras dengan peruntukan Undang-Undang Tubuh MFA. Bagi memperkukuh kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan, MFA turut melantik beberapa Ahli Jawatankuasa Utama Tambahan daripada kementerian dan industri yang mempunyai kepakaran serta pengalaman berkaitan pembangunan francais.

Pada tahun 2025, MFA telah melantik tiga (3) Ahli Jawatankuasa Utama Tambahan iaitu:

- 1) En Adila Sabri, bin Muhammad, Sutiausaha Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperas
- 2) En Muhd Fairuz bin Abd Halim, Timbalan Setiausaha Seksyen Perdagangan Pendedaran, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup)
- 3) Puan Claudia Ng, MY Franchise Guide yang berpengalaman dalam pengurusan media dan pemasaran.

Sepanjang tahun 2025, Jawatankuasa Utama telah mengadakan empat (4) mesyuarat bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan tadbir urus, kewangan, pembangunan industri, hubungan strategik, keahlian serta hala tuju Persatuan.

TARIKH	MESYUARAT	LOKASI	BIL. KEHADIRAN
27 Februari 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 10/2022-2025	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)	12 / 20 orang
13 Jun 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 11/2022-2025	Sentrax Global Academy Sdn Bhd	16 / 20 orang

TARIKH	MESYUARAT	LOKASI	BIL. KEHADIRAN
10 Julai 2025	Mesyyuarat Jawatankuasa Utama Bil 1/2025-2028	Sentrax Global Academy Sdn Bhd	12 / 14 orang
7 Oktober 2025	Mesyyuarat Jawatankuasa Utama Bil 2/2025-2028	M World Hotel Petaling Jaya	12 / 16 orang

Leaders Meeting dan Business Networking Trip

Bagi memperkukuh penyelarasan antara kepimpinan Persatuan dan sekretariat, Leaders Meeting telah diadakan pada 2 November 2025 di Jakarta, Indonesia yang melibatkan Ahli Jawatankuasa Utama, Juruaudit Dalaman, Penasihat dan sekretariat MFA.

Mesyyuarat ini memberi fokus kepada perancangan strategik jangka pendek dan sederhana, termasuk pembangunan Pelan Hala Tuju MFA 2026, pengukuhan keahlian, pembangunan modal insan, kemampunan kewangan, tadbir urus organisasi serta pengembangan jaringan MFA ke peringkat ASEAN, GCC dan Afrika. Perbincangan turut menekankan kepentingan *succession planning* bagi memastikan kesinambungan kepimpinan dan kelestarian organisasi pada masa hadapan.

Bersempena program tersebut, *Business Networking Trip* juga dilaksanakan sebagai platform pembangunan hubungan strategik dan penghargaan kepada delegasi atas komitmen dan sumbangan mereka dalam memajukan persatuan. Program ini memberi peluang kepada delegasi untuk mengadakan sesi jaringan perniagaan, lawatan industri dan pertemuan bersama pemain industri serta organisasi berkaitan di Indonesia bagi mendapatkan pendedahan terhadap perkembangan pasaran serantau dan peluang kerjasama rentas sempadan.

Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh hubungan kerja dan kerjasama antara kepimpinan persatuan dan sekretariat, malah menjadi platform perkongsian pengalaman, amalan terbaik serta pembinaan rangkaian strategik yang dapat menyokong agenda pengantarabangsaan dan pembangunan industri francais Malaysia. Program ini juga mencerminkan penghargaan MFA terhadap sumbangan dan dedikasi barisan kepimpinan serta sekretariat dalam memastikan kejayaan pelbagai program dan inisiatif persatuan sepanjang tahun.

Kehadiran Jawatankuasa Utama Sesi 2025/2028

Sepanjang tahun 2025, Jawatankuasa Utama MFA telah mengadakan mesyyuarat secara berkala bagi membincangkan hala tuju strategik, pemantauan program serta perkara-perkara berkaitan tadbir urus persatuan. Kehadiran ahli JKU secara konsisten mencerminkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan, sekali gus menyokong amalan tadbir urus korporat yang baik dalam MFA.

Senarai kehadiran adalah seperti berikut:

Bil	Jawatankuasa Utama	Jawatan	Bil Kehadiran Mesyyuarat
1.	Datuk Dr. Hj. Radzali Hassan	Pengerusi	2/2
2.	Dato' Zahriah Abdul Kadir	Naib Pengerusi	2/2
3.	Deric Yeo	Naib Pengerusi	2/2
4.	Kairul Azman Mohd Yusof	Setiausaha Agung	1/2
5.	Khalek Awang	Penolong Setiausaha Agung	1/2
6.	Mohamad Azwani Asa'd	Bendahari	1/2
7.	Terry Lim	Penolong Bendahari	2/2
8.	Daniel Sim Lim Kit	Ahli Jawatankuasa Utama Biasa	1/2
9.	Damian Yeo	Ahli Jawatankuasa Utama Biasa	1/2
10.	Fatin Muzfirah Ahmad Shauhada	Ahli Jawatankuasa Utama Biasa	2/2
11.	Jacky Lim	Ahli Jawatankuasa Utama Biasa	1/2
12.	Kevan Ong	Ahli Jawatankuasa Utama Biasa	2/2
13.	Pengiran Muhamad Adil Awang Iskanderzulkarnein	Ahli Jawatankuasa Utama Biasa	0/2
14.	Wong Jin Nee	Ahli Jawatankuasa Utama Biasa	2/2

Bil	Jawatankuasa Utama	Jawatan	Bil Kehadiran Mesyuarat
15	Adila Sabri Muhammad (dilantik pada Ogos 2025)	Ahli Jawatankuasa Utama Biasa	0/1
16	Muhd Fairuz Abdul Halim (dilantik pada Julai 2025)	Ahli Jawatankuasa Utama Biasa	1/1
17	Claudia Ng (dilantik pada Nov 2025)	Ahli Jawatankuasa Utama Biasa	-

JAWATANKUASA EKSEKUTIF

Jawatankuasa Eksekutif berperanan membantu Jawatankuasa Utama dalam menyelaras pelaksanaan dasar, memantau kemajuan program dan memastikan keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa Utama dilaksanakan secara berkesan. Sepanjang tahun 2025, Jawatankuasa Eksekutif telah bermesyuarat secara berkala bagi memantau prestasi kewangan, kemajuan program, status projek strategik serta isu-isu operasi yang memerlukan tindakan segera.

JAWATANKUASA KECIL

MFA turut menubuhkan beberapa Jawatankuasa Kecil bagi membantu Jawatankuasa Utama dalam melaksanakan fungsi dan aktiviti Persatuan secara lebih berfokus. Jawatankuasa-jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam bidang keahlian dan etika, pendidikan dan penyelidikan, promosi dan perhubungan awam, rundingcara dan kebajikan, hubungan kebangsaan dan antarabangsa, pembangunan perniagaan, pentadbiran serta kewangan.

AUDIT DAN PENILAIAN TADBIR URUS

Juruaudit Dalaman berperanan sebagai badan semak dan imbang yang bertanggungjawab memeriksa penyata kewangan serta perjalanan tadbir urus Persatuan bagi memastikan pengurusan organisasi dilaksanakan secara telus, berakauntabiliti dan selaras dengan Undang-Undang Tubuh MFA. Bagi memastikan tahap akauntabiliti dan ketelusan yang tinggi, penyata kewangan MFA telah diaudit oleh juruaudit bertauliah dan disemak oleh Juruaudit Dalaman sebagaimana yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Tubuh MFA.

Selain itu, Juruaudit Dalaman juga telah melaksanakan Penilaian Risiko Strategik pada tahun 2025 yang merangkumi tujuh (7) komponen utama iaitu Perancangan Strategik dan Tadbir Urus, Kemampanan Kewangan, Relevansi Ahli dan Pemegang Taruh, Keupayaan Operasi dan Kesiapsiagaan Sumber Manusia, Hubungan Kerajaan dan Pemegang Taruh, Reputasi dan Ekuiti Jenama serta Pematuhan dan Disiplin Pelaporan.

Hasil penilaian menunjukkan MFA mencapai tahap *Established* (L3) bagi empat komponen utama dan *Developing* (L2) bagi tiga komponen lain. Penilaian ini mengesahkan bahawa MFA mempunyai asas tadbir urus yang kukuh, tahap akauntabiliti yang baik serta komitmen berterusan terhadap penambahbaikan organisasi.

Secara keseluruhannya, MFA akan terus memperkukuh amalan tadbir urus, meningkatkan kecekapan organisasi dan memastikan setiap keputusan yang dibuat sentiasa berteraskan kepentingan ahli, kemampanan organisasi dan pembangunan industri francais negara.

SEKRETARIAT

Sekretariat MFA berperanan sebagai jentera pelaksana yang menyokong Jawatankuasa Utama dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan pelbagai program, aktiviti serta inisiatif persatuan demi manfaat ahli dan pembangunan industri francais negara. Selain memastikan kelancaran operasi harian persatuan, sekretariat turut bertanggungjawab mengurus tadbir, keahlian, program latihan, pembangunan perniagaan, hubungan pemegang taruh serta pelaksanaan program-program strategik MFA.

Sehingga 31 Disember 2025, MFA mempunyai seramai 15 orang sekretariat yang terdiri daripada pelbagai fungsi dan kepakaran bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, profesional dan berkesan kepada ahli serta pihak berkepentingan.

Pembangunan Modal Insan

MFA komited dalam membangunkan modal insan yang kompeten, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran industri yang sentiasa berkembang. Sehubungan itu, pelbagai program latihan dalaman dan luaran telah dilaksanakan sepanjang tahun bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kompetensi sekretariat mengikut bidang tugas masing-masing. Inisiatif ini bukan sahaja membantu meningkatkan prestasi kerja semasa, malah menyokong pembangunan kerjaya dan laluan kemajuan (career path) kakitangan pada masa hadapan.

Selain menghadiri program latihan, semua sekretariat turut diberi peluang terlibat secara langsung dalam penganjuran program-program utama MFA seperti Franchise International Malaysia (FIM), ASEAN Franchise Convention (AFC), Malaysian Franchise Awards (MAF), program latihan dan misi perdagangan antarabangsa. Penglibatan ini memberikan pendedahan yang lebih luas kepada sekretariat dalam aspek pengurusan acara, hubungan pemegang taruh, pembangunan perniagaan dan kerjasama antarabangsa, di samping meningkatkan keupayaan mengendalikan pelbagai tugas secara serentak. Pendekatan ini membolehkan MFA membentuk tenaga kerja yang versatil, berpengalaman dan mampu menyokong pertumbuhan serta kelestarian persatuan secara berterusan.

Selaras dengan aspirasi MFA untuk menjadi sebuah persatuan yang progresif, mampan dan berimpak tinggi, pembangunan modal insan akan terus diberi keutamaan melalui pelaksanaan latihan berterusan, pendedahan antarabangsa, pembangunan kepimpinan serta pengukuhan kompetensi digital. Inisiatif ini bertujuan memastikan sekretariat sentiasa berupaya memberikan perkhidmatan yang berkualiti, memenuhi keperluan ahli dan menyokong pertumbuhan industri francais negara.

Transformasi Digital dan Infrastruktur Teknologi Maklumat

Bagi meningkatkan kecekapan operasi dan penyampaian perkhidmatan kepada ahli, MFA terus melaksanakan pelbagai inisiatif pendigitalan dan penambahbaikan infrastruktur teknologi maklumat sepanjang tahun 2025. Laman sesawang rasmi MFA terus berfungsi sebagai platform utama penyampaian maklumat, promosi program serta direktori ahli. Sepanjang tahun 2025, MFA telah meneruskan usaha menaik taraf sistem digital termasuk pembangunan Membership Information System (MIS), Direktori Ahli Digital, penambahbaikan sistem pembayaran atas talian serta pendigitalan pelbagai borang dan proses kerja sekretariat.

Selain itu, MFA turut mengekalkan sistem storan data berpusat bagi memastikan pengurusan dokumen, rekod organisasi dan bahan digital dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik, selamat dan mudah diakses oleh sekretariat. Kemudahan komunikasi digital melalui sistem e-mel, e-buletin, mesej dan platform media sosial rasmi turut dimanfaatkan secara meluas bagi memastikan maklumat berkaitan program, aktiviti dan pengumuman penting dapat disampaikan kepada ahli dan pihak berkepentingan dengan lebih pantas dan berkesan.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen MFA dalam memperkukuh transformasi digital organisasi, meningkatkan kecekapan operasi sekretariat serta menyokong penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap kepada ahli dan industri francais.

Kedudukan Trafik Laman Web

Alamat Url	mfa.org.my	myfim.my
Kedudukan Antarabangsa	2,534,356	4,215,325
Kedudukan di Malaysia	28,743	51,225

**Maklumat berdasarkan similarweb.com (Lebih rendah lebih baik)*

Statistik pelawat portal MFA di www.mfa.org.my (Januari sehingga Disember 2025)

Jumlah Pelawat	Peratus Peningkatan Trafik	Purata Lawatan
1,998,818	433.8%	166,568

KALENDAR AKTIVITI MFA TAHUN 2025

JANUARI 2025		
Tarikh	Program	Tempat
7 Januari	Perjumpaan bersama PERKESO	MFA
8 Januari	Mesyuarat bersama MATRADE	MFA
8 Januari	Perbincangan bersama SGA mengenai Kursus E-Invoicing	Sentrax Global Academy (SGA)
9 Januari	Taklimat ASEAN Franchis Convention kepada Asosiasi Francais Indonesia (AFI)	MFA
10 Januari	Mesyuarat EFDP mengenai Pelan Aktiviti 2025	KUSKOP
10 Januari	Sesi Taklimat Koperasi Global Halal Berhad (KGHB)	Sentrax Global Academy (SGA)
10 Januari	Sesi Taklimat : MPC Productivity Grant	Atas Talian
11 Januari	Menghadiri Majlis Perasmian Pembukaan Cawangan MY US Pizza Melawati Mall	Melawati Mall
11 Januari	Menghadiri 6th Yamaha Internasional Highlight Concert	Dewan Filharmonik Petronas
14 Januari	Masyuarat Persediaan MITI Expo 2026 bersama Industri	Dewan Perdana, Menara MITI
14 Januari	Taklimat Misi Pengantarabangsaan 2025	MFA
14 Januari	Brainstorming AFC, CFE & Bengkel EFDP	MFA
17 Januari	Mesyuarat bersama KUSKOP Mengenai Bengkel EFDP	Atas Talian
21 Januari	Perbincangan bersama Bank UOB	MFA
22 Januari	Sesi Perbincangan bersama SME Bank	SME Bank
22 Januari	Mesyuarat bersama Evenesis	Atas Talian
23 Januari	Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Bil. 14/2022-2025	Restoran Madam Kwan's, IOI City Mall
23 Januari	Menghadiri Sesi Libat Urus Rancangan Malaysia Ketiga Belas 2026-2030 (RMK13) oleh Kementerian Ekonomi bersama Pemain Industri (Perkhidmatan Professional, Peruncitan dan Makanan & Minuman, Kesihatan Swasta, Pelancongan, Logistik dan Pembinaan)	Hotel DoubleTree by Hilton, Kuala Lumpur
27 Januari	Menghadiri Majlis Pasca – Pengumuman Prestasi Perdagangan Malaysia Tahun 2024 “Mengharungi Arus Perdagangan 2025”	MATRADE

FEBRUARI 2025		
Tarikh	Program	Tempat
3 - 5 Februari	Bengkel kajian impak bagi program EFDP 2.0	Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur
5 Februari	Lawatan Ahli : Yamaha Music (Malaysia) Sdn. Bhd.	Kelana Jaya
5 Februari	Menghadiri Chinese New Year Celebration Ceremony Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	Auditorium Smart Reader Worldwide
7 - 9 Februari	Penyertaan di Pemas International Franchise Festival 2025 (PIFF)	Kuala Lumpur Convention Centre
7 Februari	Menghadiri Majlis Peluncuran Dasar Francais Negara (DFN 2030) dan Perasmian Pemas International Francais Festival 2025 (PIFF 2025)	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
10 - 15 Februari	Mesyuarat World Franchise Council (WFC)	Las Vegas, Amerika Syarikat
13 Februari	Bengkel Maklumbalas Input EFDP	Seri Pasific Hotel Kuala Lumpur
14 Februari	Lawatan Potensi Ahli: BubbleO2	Pedas Linggi, Negeri Sembilan

FEBRUARI 2025		
Tarikh	Program	Tempat
14 Februari	Program Outreach KWSP Gombak	MFA Training Centre
14 Februari	Media Visit : Big Orange Media	Atas Talian
17 Februari	Media Visit : MATRADE Digital	Zus Coffee, Eco Sky
18 Februari	Mesyuarat Bersama Aquire Group	MFA
19 Februari	Lawatan Ahli : Zuspresso	Shah Alam
19 Februari	Menghadiri Serpent's Radiance : Sambutan Perjalanan MDCC ke Era Baharu	Grand Imperial, Petaling Jaya
20 Februari	Menghadiri Sesi Libat Urus Pemantapan Bahasa Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka)	Balai Seminar Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir, Kuala Lumpur
20 Februari	Lawatan Ahli : KUMON	Damansara Heights, Kuala Lumpur
20 Februari	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan ke 51 (Bil.01/2025)	Atas Talian
20 Februari	Mesyuarat Bersama Ahli: SONOBEE	MFA
20 Februari	Bengkel Anugerah Francais Malaysia 2025	Putrajaya
20 Februari	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan ke-51 (Bil.01/2025)	Atas Talian
22-23 Februari	Bengkel Anugerah Francais Malaysia 2025	Putrajaya
22 Februari	Menghadiri Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad 2025	Balai Seminar Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir, Kuala Lumpur
24 Februari	Perbincangan Media : Droad Solutions	Atas Talian
25 Februari	Temubual China Press : AFC & FIM	MFA
26 Februari	Menghadiri Majlis The Seoul Garden Experience bersama Azfar Heri	IOI City Mall, Putrajaya
26 Februari	Perbincangan Media : SLPR Worldwide	Atas Talian
26 Februari	Mesyuarat Bersama Persatuan Francais Indonesia (AFI)	Cheese U, IOI Mall Putrajaya
27 Februari	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 10/2022-2025	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)
27 Februari	Menghadiri Simposium Pemerkasaan Bahasa Kebangsaan dalam Bidang Undang-Undang	Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP
27 Februari	Sidang Media : AFC & FIM 2025	Kuala Lumpur Convention Centre
27 Februari	Webinar CFE & AFC	MFA
27 Februari	Mesyuarat Jawatankuasa Utama (JKU) Bil.10/2022-2025	KLCC
28 Februari	Temubual bersama China Press	MFA
28 Februari	Lawatan Media : Droad Solutions	Zus Coffee

MAC 2025		
Tarikh	Program	Tempat
2 Mac	Menghadiri Majlis Perasmian Pembukaan Outlet Baru, Johan Speaking Academy	Bukit Jalil, Kuala Lumpur
3 Mac	Mesyuarat bersama MFA & MATRADE mengenai Franchise In-Buying Mission	Atas Talian
3 Mac	Lawatan Ahli – Smart Reader Kids Worldwide Sdn Bhd	Smart Reader HQ, Kepong
5 Mac	Mesyuarat Bersama ASEAN Book Record	US Pizza Office, Damansara keight
6 Mac	Mesyuarat bersama CSQ International Consultating	MFA
10 Mac	Taklimat berkaitan Akta PERKESO (Akta 789 : Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri)	Atas Talian

MAC 2025		
Tarikh	Program	Tempat
11 Mac	Menghadiri 'Online Exhibitors Briefing of International Franchise Expo 2025'	Atas Talian
12 Mac	Mesyuarat Bersama Ahli: Astreem	MFA
13 Mac	Menghadiri Majlis Peluncuran MADANI Digital Trade	MITEC, Kuala Lumpur
13 Mac	Mesyuarat bersama We Drink	MFA
19 Mac	Perbincangan bersama Ahli: Harta Maintenance Sdn Bhd	Harta Office
19 Mac	Majlis Berbuka Puasa 2025	MATRADE, Kuala Lumpur
20 Mac	Mesyuarat Penyelarasan bersama KUSKOP	KUSKOP
20 Mac	Webinar : Certified Franchise Executive Program (CFE) dan Asean Franchise Convention (AFC)	Atas Talian
20 Mac	Webinar : International Market Update Session for Philippine's Market	Atas Talian
23 Mac	Menghadiri Majlis Makan Malam Tahunan Deemcee	Maison Eleven, Setia City
24 Mac	Mesyuarat Penyelarasan bersama KUSKOP	KUSKOP
24 Mac	FIM2025 Talkshow : RTM Biz Malaysia	RTM
25 Mac	Mesyuarat Bersama Putra Business School	Atas Talian
25 Mac	Majlis Penyampaian Sijil ASEAN Records	Mercure, Kuala Lumpur
26 Mac	Mesyuarat bersama TreeAms	Atas Talian
27 Mac	FIM2025 Temubual Radio di RTM Ai FM	Angkasapuri
27 Mac	Mesyuarat Bersama UOB Bank	MFA

APRIL 2025		
Tarikh	Program	Tempat
7 April	Mesyuarat bersama Miraj Consultancy	MFA
8 April	Mesyuarat bersama Yamaha Music Sdn Bhd	Atas Talian
8 April	Mesyuarat bersama PERNAS	PERNAS
8 April	Mesyuarat bersama The World Heritage Food Franchising Summit (WHFFS) 2025	Atas Talian
8 April	Mesyuarat bersama Event Point Services	MFA
9 April	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal FIM 2025 Bil. 2/2025	KUSKOP
10 April	FIM2025 Sesi Bual Bicara : Traxx FM	Wisma Radio Angkasapuri
10 April	Menghadiri Rumah Terbuka Teraju Aidilfitri 1446H	Cyberjaya, Selangor
10 April	Mesyuarat Bersama Mr. Jason Gehrke (CFE)	Atas Talian
10 April	Mesyuarat Bersama ISFA	Atas Talian
14 April	FIM2025 Sesi Bual Bicara : AI FM	RTM Wisma Radio, Angkasapuri
15 April	Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2025	MFA
15 April	Mesyuarat Teknikal FIM2025 Bil.3/2025	KUSKOP
16 April	Mesyuarat Bersama Ticket Melon	MFA
16 April	Majlis Sambutan Aidilfitri 2025 CIC Group of Companies	Cyberjaya, Selangor
16 April	Sesi Libat Urus MFA & SME Bank	MFA
17 April	Menghadiri Jamuan Hari Raya Aidilfitri Sekatarakyat 2025	Wisma Sekatarakyat
17 April	Menghadiri Rumah Terbuka Media Prima	Hilton, Kuala Lumpur
17 April	Majlis Sambutan Raya di King's Park Gohtong Jaya	Genting Highlands
18 April	Program Roadshow AKI 2026	Dewan Perdana Menara MITI

APRIL 2025		
Tarikh	Program	Tempat
18 April	Mesyuarat Jawatankuasa Induk FIM2025	KUSKOP
18 April	Mesyuarat bersama Prudential	MFA
18 April	Mesyuarat bersama Rollingpay	MFA
22 April	Sesi Penggambaran KOL bagi FIM	Oldtown White Coffee, Sri Rampai
22-23 April	CFE Mini Masterclass – Strengthening Your Franchise Foundations	Manila, Filipina
23 April	Menghadiri Harta Maintenance Sdn Bhd 45th Years Anniversary & Raya Open House Celebration	WTCKL
24 April	FIM2025 Sesi Bual Bicara : BERNAMA	Wisma BERNAMA
24 April	Menghadiri Majlis Hari Raya Aidilfitri SME Bank 2025	Dewan Tun Hussein On, Kuala Lumpur
24 April	Menghadiri MACTION ASEAN Records Certificate Presentation Ceremony	Kuala Lumpur
25-27 April	<i>CFE-Participation in Exhibition Philippine Franchise Expo & Conference 2025</i>	Manila, Filipina
26-27 April	<i>Internatonal Expansion Trade Mission in Manila, Philippines</i>	Manila, Filipina
25 April	Mesyuarat Jawatankuasa Francais Eksport (FRANEX) Bil. 1/2025	KUSKOP
25 April	Menghadiri Majlis Hari Raya BRO 2025	Me'nate Steak Hub
26 April	Menghadiri Majlis Rumah Terbuka Hari Raya 2025 anjuran QC Group Sdn Bhd	Ipoh Perak
29 April	FIM2025 Sesi Bual Bicara : RTM Selamat Pagi Malaysia	Wisma Berita, RTM Angkasapuri
29 April	Menghadiri Majlis Resepsi Aidilfitri Kementerian MITI dan Agensi 2025	MITI Tower
29 April	Mesyuarat Potensi Kerjasama AFC – SMIXIN Malaysia	MFA
30 April	FIM2025: Temubual Bersama BFM	MFA

MEI 2025		
Tarikh	Program	Tempat
5 Mei	FIM2025 Sesi Bual Bicara : Nasional FM	Wisma Radio Angkasapuri
5-6 Mei	CFE Mini Masterclass: Developing High Performance Franchise System	Mandarin Oriental Hotel
7 Mei	ASEAN Franchise Convention 2025 – Breakout Session	Mandarin Oriental Hotel
7 Mei	Majlis Makan Malam <i>International Networking</i> bersempena AFC2025	Mandarin Oriental Hotel
8 Mei	ASEAN Franchise Convention 2025 – Persidangan	KLCC
8-10 Mei	Pameran Francais Antarabangsa Malaysia 2025 (FIM2025)	KLCC
8 Mei	Majlis Perasmian FIM2025	KLCC
8 Mei	Franchise In-Buying Mission	KLCC
8 Mei	Majlis Resepsi Koktel FIM2025	KLCC
9-10 Mei	Sesi Pit-Stop FIM2025	KLCC
7-9 Mei	<i>CFE-Participation in Exhibition & Convention FIM2025</i>	KLCC
14 Mei	Postmortem AFC & FIM 2025	MFA
14-15 Mei	Kursus Persediaan Francais untuk Bakal Francaisor	KIP Hotel, Kuala Lumpur
22 Mei	Taklimat dan Garis Panduan Terbaru Berhubung Pelaksanaan E-Invois	Atas Talian
25 Mei	Menghadiri Forum Kepimpinan dan Kerjasama ASEAN 2025	Hotel Intercontinental Kuala Lumpur

28 Mei	<i>Brainstorm World Franchise Day 2025</i>	MFA
28 Mei	Mesyuarat bersama TreeAms	Zoom Meeting

JUN 2025		
Tarikh	Program	Tempat
4 Jun	Webinar: <i>Expanding East: Franchise Trends and Entry Strategies in Osaka & Shanghai</i>	Atas Talian
9 Jun	Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Bil.16/2022-2025	MFA
12 Jun	Majlis Ulang Tahun ke-20 Pusat Konvensyen Kuala Lumpur	KL Convention Centre
13 Jun	Mesyuarat Jawatankuasa Utama (JKU) Bil.11/2022-2025	Sentrax Global Academy Sdn Bhd
14 Jun	UTP Alumni Networking Day 2025 (AEN'25)	Kuala Lumpur
18 Jun	Mesyuarat Agung Tahunan 2025 Kali ke-30	Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur
19 Jun	Mesyuarat Bersama Skill Solution Sdn Bhd	MFA
20 Jun	Sesi Perkongsian Produk: Pencalonan Anugerah MAF2025	MFA
23 Jun	Bengkel Pelan Strategik Dasar Francais Negara 2030 (DFN2030)	Putrajaya International Convention Centre
23 Jun	Taiwan Expo di Malaysia	Pullman KLCC
23 Jun	Majlis Perasmian Expo Taiwan 2025	KLCC
24 Jun	Mesyuarat <i>Specialized Business Mission</i> (SBM) Kazakhstan	CSQ, HQ Office
25-26 Jun	Jemputan Sebagai Panel Penilai bagi Sesi Pitching Misi Perdagangan Antarabangsa Francais dan <i>Specialized Business Mission</i> EFDP 2025	Dorsett Hotel, Kuala Lumpur
25 Jun	Mesyuarat bersama Skill Solution Sdn Bhd	Zoom Meeting
26 Jun	Majlis Peluncuran Inisiatif Belanjawan 2025 Kendalian SME Bank	Dewan Tun Hussein Onn, World Trade Centre Kuala Lumpur

JULAI 2025		
Tarikh	Program	Tempat
1 Julai	Mesyuarat Bersama MATRADE	MATRADE
2 Julai	Kunjungan Hormat kepada Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Ekonomi	Kementerian Ekonomi, Putrajaya
2 Julai	Mesyuarat bersama Ahli: Miraj Consultancy	MFA
3 Julai	Mesyuarat Bersama KUSKOP	KUSKOP, Putrajaya
4 Julai	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan ke 53 (Bil. 03/2025)	Atas Talian
4 Julai	Sesi Perbincangan Kerjasama MFA dan SME Bank	SME Bank Head Officer
4 Julai	Lawatan Bakal Ahli - MapleBear	MFA
8 Julai	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais ke 49 Bil.05/2024	Atas Talian
8 Julai	Sesi Temubual Bersama Marrybrown	Atas Talian
9 Julai	Mesyuarat bersama KUSKOP	Putrajaya, KUSKOP
9 Julai	Sesi Libat Urus bersama ahli dari Sektor Makanan & Minuman di Restoran Kakatoo	Quill Mall City, Kuala Lumpur
10 Julai	Mesyuarat JKU Bil.1 2025/2028	Sentrax Global Academy Sdn Bhd
12 Julai	<i>ASEAN Records 5th Gather of Archivists with the King of Fruits</i>	Bangi Golf Resort
14-15 Julai	Sesi Taklimat Francais JPN Melaka	Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
14-16 Julai	<i>Specialized Business Matching in Kazakhstan</i>	Almaty, Kazakhstan

JULAI 2025		
Tarikh	Program	Tempat
14 Julai	Kunjungan Hormat kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan & Keusahawanan) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)	KUSKOP
15 Julai	Franchise Mind : Temuduga Bersama Madam Ida Khoo, Midyson	Midyson, Bandar seri Puteri, Puchong
16 Julai	Taklimat Pempamer Sempena Sambutan Hari Koperasi Negara Peringkat Kebangsaan (HKN'25)	Atas Talian
17 Julai	Sesi Libat Urus Semakan Semula Perundangan Edagang bersama Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	Putrajaya
17 Julai	Lawatan Media : <i>Rise and Win Creatives Sdn Bhd</i>	Zus Coffee, Eco Sky
19 Julai	Jemputan ke <i>Free Public Tasting Pakistan Mango Festival</i>	Mercato, TRX
21 Julai	Lawatan Ahli – BBQ Chicken	Petaling Jaya, Selangor
22 Julai	Mesyuarat Hala Tuju Pengurusan Sisa Makanan di Sektor Komersial dan Industri di Malaysia	Atas Talian
23-24 Julai	<i>Essentials of Franchising Course</i>	MFA
23 Julai	Lawatan Ahli - Celmonze	Petaling Jaya
24 Julai	Lawatan Ahli – Siti Khadijah Apparel	Negeri Sembilan
25-27 Julai	Program Sambutan Hari Koperasi Negara 2025 (HKN'25) Peringkat Kebangsaan	MITC, Melaka
25 Julai	Jemputan ke <i>The Grand Opening of Chicken N Chicken</i>	Kota Warisan Sepang
28 Julai	Mesyuarat Bersama Armani Group	Concorde Hotel, Kuala Lumpur
29 Julai	Lawatan Ahli : Uncle Don's Restaurant	Taman Tun Dr Ismail
29 Julai	Lawatan Media Global Creative : Perbincangan mengenai <i>Japan Media Coverage</i>	Atas Talian
30 Julai	Mesyuarat Bersama SME Bank	MFA
30 Julai	<i>YELAOSHAR Pre-IPO Annoncement, Franchise Signing Ceremony & Book Launch</i>	One World Hotel, Petaling Jaya
31 Julai	Mesyuarat Bersama <i>Geumsan Ginseng & Herb Development Agency (GGHDA)</i>	KLCC

OGOS 2025		
Tarikh	Program	Tempat
4 Ogos	Mesyuarat bersama LenoraSoft Technologies Sdn Bhd	MFA
7 Ogos	Majlis Libat Urus Belanjawan 2026	Putrajaya
7 Ogos	Anugerah HRD 2025 : <i>Training Provider & Trainer Briefing</i>	Atas Talian
7 Ogos	Mesyuarat bersama KUSKOP	KUSKOP, Putrajaya
7 Ogos	Pemakluman Pelaksanaan Misi Promosi Francais Antarabangsa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ke Francais Expo Osaka 2025 (FRAX 2025)	Atas Talian
8- 10 Ogos	Misi Perdagangan ke Shanghai, China	Shanghai, China
9 Ogos	Majlis Pelancaran Armani Hallson KLCC	Armani Hallson KLCC
12 Ogos	Mesyuarat bersama Media Jepun : TM Osaka Jepun	Atas Talian
14 Ogos	Mesyuarat Penyelarasan Misi Promosi Francais Antarabangsa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ke Franchise Expo Osaka 2025	KUSKOP, Putrajaya
18 Ogos	FMM Makan Malam Tahunan ke 57 Tahun	Sunway Resort, Hotel
19 Ogos	Mesyuarat bersama Persatuan Artis Veteran Malaysia	MFA
21-23 Ogos	Franchise Expo Malaysia 2025	KLCC
21 Ogos	Majlis Pembukaan Franchise Expo Malaysia 2025	KLCC

OGOS 2025		
Tarikh	Program	Tempat
21 Ogos	Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil.1 2025/2028	Sentrax Global Academy, Eco Sky
22 Ogos	Lawatan dari China <i>Productivity Center & Taiwan External Trade Development Council (TAITRA) Kuala Lumpur Office</i>	KLCC
22 Ogos	Mesyuarat Penyelarasan Akhir Misi Perdagangan Antarabangsa Francais ke Osaka, Jepun	MFA
23 Ogos	Lawatan Ketua Pengarah dari Jabatan dan Pembangunan Perniagaan, Kementerian Perniagaan	MFA
24 Ogos	Majlis Makan Malam Tahunan <i>Cambridge English For Life (CEFL) 2025</i>	M Resort & Hotel
26 Ogos	Lawatan Bakal Ahli – HA'LABO	MFA
27 Ogos	Mesyuarat Penyelarasan bagi Misi Perdagangan Antarabangsa Francais ke Almaty, Kazakhstan	KUSKOP, Putrajaya
27 Ogos	<i>Corporate Heroes Experience Sharing Session (CHESS) Bersama Dato' Joshua Liew</i>	EXIM Bank Malaysia
27-29 Ogos	Misi Perdagangan ke Osaka, Jepun	Osaka, Jepun
30 Ogos	Jemputan Majlis Anugerah Ar-Rahnu X'Change 2024	Hotel Le Meridien Kota Kinabalu, Sabah

SEPTEMBER 2025		
Tarikh	Program	Tempat
2 September	Sesi Pembentangan Pelan Strategik Dasar Francais Negara 2030	KUSKOP, Putrajaya
3 September	Mesyuarat Agung Khas 2025	Sunway Putra Hotel
3 September	Program <i>BizConnect</i>	Sunway Putra Hotel
3-5 September	Misi Perdagangan ke Osaka, Jepun	Osaka, Jepun
4 September	Mesyuarat Penyelarasan bagi <i>Specialized Business Mission (SBM)</i> di Almaty, Kazakhstan 2025	KUSKOP, Putrajaya
9 September	Majlis Pembukaan US Pizza Eco Grandeur	Puncak Alam, Selangor
9 September	<i>Interview Scheduling – VLFN Membership Application for APFC</i>	Atas Talian
9 September	Mesyuarat ASEAN <i>University Franchise Business Challenge (AUFBC)</i>	Puncak Alam, Selangor
9 September	Taklimat Panel Penilai Anugerah Francais Malaysia 2025	Atas Talian
10 September	Mesyuarat Bersama AMM Global Resources	MFA
10 September	Taklimat Pra-Perlepasan FLAsia Singapura	Atas Talian
12 September	Mesyuarat bersama Dewan Bahasa dan Pustaka	MFA
12 September	<i>Budget 2026 MITI Dialogue Session with Industry</i>	Perdana Hall, MITI
12 September	Mesyuarat JKI MAF Bil.3/2025	Atas Talian
13 September	<i>MRC YES Gala Dinner 2025 : SMM Education Group (MRC)</i>	Genting Highlands
17 September	Taklimat Pra-Perlepasan Almaty, Kazakhstan	Atas Talian
18 September	<i>World Halal Business Conference (WHBC) 2025</i>	MITEC, Kuala Lumpur
18 September	<i>Kazakhstan Networking Session : Within the Framework of MIHAS 2025</i>	MITEC, Kuala Lumpur
18-20 September	<i>International Expansion Trade Mission (IETM) : FLAsia 2025</i>	Singapura
18-20 September	<i>CFE-Participation in Exhibition & Conference FLAsia 2025</i>	Singapura
19 September	Majlis Perasmian <i>Global Halal Summit (GHaS)</i>	MITEC, Kuala Lumpur
22-24 September	<i>Specialized Business Mission (SBM) in Kazakstan</i>	Almaty, Kazakhstan
23 September	Mesyuarat bersama <i>MyPoint Solution</i>	Atas Talian

SEPTEMBER 2025		
Tarikh	Program	Tempat
2 September	Sesi Pembentangan Pelan Strategik Dasar Francais Negara 2030	KUSKOP, Putrajaya
3 September	Mesyuarat Agung Khas 2025	Sunway Putra Hotel
3 September	Program <i>BizConnect</i>	Sunway Putra Hotel
3-5 September	Misi Perdagangan ke Osaka, Jepun	Osaka, Jepun
4 September	Mesyuarat Penyelarasan bagi <i>Specialized Business Mission (SBM)</i> di Almaty, Kazakhstan 2025	KUSKOP, Putrajaya
25 September	Majlis Peluncuran <i>SME Bank XCESS</i>	Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur
26 September	Mesyuarat Bersama Potensi Rakan Strategik : Airlo Singapore	Atas Talian
30 September	Mesyuarat Bersama Nardell Group	Atas Talian
30 September	<i>Dialogue Session for Women Entrepreneurs bersama Women Entrepreneurs Network Association (WENA)</i>	Yamaha Music Malaysia HQ, Kelana Jaya

OKTOBER 2025		
Tarikh	Program	Tempat
1 Oktober	Mesyuarat bersama SME Bank	Menara SME Bank
1 Oktober	Mesyuarat bersama Bakal Ahli : Scope IT	MFA
1 Oktober	Jemputan ke Sambutan Hari Kebangsaan Nigeria	Sunway University
2 Oktober	Program Derma Darah Laundrybar	Laundrybar HQ, Kepong
3 Oktober	Perbincangan bagi Misi Perdagangan Antarabangsa ke Jakarta, Indonesia dan Status Perbelanjaan EFDP	Atas Talian
6 Oktober	Sesi Perbincangan Penyediaan Draf Memorandum Jemaah Menteri (MJM)	KUSKOP
6 Oktober	Mesyuarat bersama Gloria Jeans Coffee & Pernas Academy	Bangsar
7 Oktober	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil.2 2025/2028 & <i>Pre-Leaders Meeting</i>	M World Hotel, Petaling Jaya
7 Oktober	Majlis Pelancaran Franchise International Malaysia 2026 (FIM2026)	M World Hotel, Petaling Jaya
7 Oktober	<i>Reception of the 14th Anniversary of the National Day of Republic of China (Taiwan)</i>	JW Marriott Hotel, Kuala Lumpur
9 Oktober	Mesyuarat bersama <i>Philippines Trade and Investment Center</i>	KLCC
10 Oktober	Mesyuarat bersama Pengurusan Baharu Oldtown White Coffee	MFA
11 Oktober	Jemputan sebagai Penceramah di <i>Annual Little Caliphs Operators Meeting (ALCOM) 2025</i>	Hotel Mardhiyyah, Shah Alam
11 Oktober	Jemputan ke Majlis Halal Franchise Conference 2025	Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah
12 Oktober	Pameran Bulan Bahasa Kebangsaan	Taman Melawati, Kuala Lumpur
12-13 Oktober	<i>CFE Mini Masterclass: Accelerating Franchise Expansion</i>	M World Hotel
13 Oktober	<i>EFDP Franchise Business Matching</i> : Misi Perdagangan ke Saudi Arabia	Jeddah, Arab Saudi
13 Oktober	Mesyuarat bersama SME Bank	KUSKOP
15 Oktober	Mesyuarat bersama Majestic Hotel Kuala Lumpur	Majestic Hotel Kuala Lumpur
15 Oktober	Mesyuarat JKI MAF Bil.4/2025	Atas Talian
22 Oktober	Taklimat Pra-Perlepasan IFBO Jakarta	Atas Talian
27 Oktober	Mesyuarat Penyelarasan Misi Perdagangan ke Indonesia dan <i>Specialized Business Mission (SBM)</i> Jeddah & Dubai	Atas Talian
27-28 Oktober	<i>Essential of Franchising Course</i>	KIP Hotel KL
28 Oktober	Mesyuarat Bersama CSQ International Consulting	Oldtown White Coffee

OKTOBER 2025		
Tarikh	Program	Tempat
30 Oktober – 2 November	<i>APFC Meeting & WFC Meeting 2025</i>	Jakarta, Indonesia
30 Oktober	Lawatan Media :Bernama	Sunway Putra Mall, Kuala Lumpur
30 Oktober – 1 November	<i>CFE-Participation in Exhibition IFBO 2025 Jakarta</i>	Tangerang, Jakarta Indonesia
31 Oktober – 2 November	Misi Perdagangan ke Jakarta, Indonesia	Jakarta, Indonesia
31 Oktober	Lawatan Media : <i>Media Prima (Big Active Media)</i>	Sunway Pura Mall

NOVEMBER 2025		
Tarikh	Program	Tempat
1-5 November	<i>MFA Business Networking Trip</i>	Jakarta & Bandung, Indonesia
2 November	<i>Leaders Meeting 2025</i>	Jakarta, Indonesia
10 November	Mesyuarat bersama Mr Greg Nathan	Atas Talian
12 November	Perbincangan bersama FLA	Atas Talian
12 November	Mesyuarat JKE Bil 2/2025-2028	MFA
14 November	Majlis Perasmian <i>MITI Asean Day 2025</i>	Menara MITI, Kuala Lumpur
17 November	Mesyuarat Media Bersama Droad	Atas Talian
18 November	Sesi Libat Urus Banci Ekonomi 2026 (BE2026) Bersama <i>Stakeholder</i> dan Persatuan Perniagaan Peringkat Wilayah Persekutuan	Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur
18 November	Bizconnet – Sektor Pendidikan	Dewan Auditorium, Smart Reader, Kepong
19-20 November	<i>CFE Mini Masterclass : Franchise Relationship Building Trust & High-Performance Franchise System</i>	M World Hotel, Petaling Jaya
19-20 November	Bengkel Standardisasi dan Pematuhan bagi Perusahaan Micro, Kecil dan Sederhana (Sektor Makanan)	Le Meridien Hotel Putrajaya
22-23 November	Kursus Bakal Francaisor	KIP Hotel KL
25-30 November	<i>Specialized Business Mission in Dubai, UAE</i>	Dubai,UAE
25 November	Mesyuarat bersama Potensi Ahli	MFA
28 November	Majlis Pembukaan Outlet Midyson	Puchong

DISEMBER 2025		
Tarikh	Program	Tempat
1 Disember	<i>The Healty Retail Advantages Townhall</i>	Hotel InterContinental Kuala Lumpur
2 Disember	<i>BizConnect Education Edition</i>	Smart Reader Kid HQ
2 Disember	<i>SME Bank Strategic Partners Engagement Session 2025</i>	WTCKL
3 Disember	Mesyuarat bersama <i>CSQ International Consulting</i>	Citta Mall
4 Disember	Taklimat <i>Journey for Franchise</i>	Atas Talian
4 Disember	Mesyuarat bersama ACPFT	Atas Talian
5 Disember	<i>Tourism Malaysia Engagement Session with Tourism Industry Players</i>	Aloft Kuala Lumpur Sentral
5 Disember	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais Pernas ke 56 (Bil.06/2025)	Microsoft Team Meeting
5 Disember	<i>SME100 Awards 2025</i>	One World Hotel, Petaling Jaya

DISEMBER 2025		
Tarikh	Program	Tempat
9-10 Disember	Jemputan sebagai Panel Penilai bagi Sesi <i>Pitching Program</i> Pengantarabangsaan Francais bagi Tahun 2026	Santa Grand Sinature Kuala Lumpur
9 Disember	Mesyuarat JKI MAF Bil.5/2025	Zoom Meeting
15 Disember	Malam Anugerah Francais Malaysia 2025 (MAF2025)	Majestic Hotel KL
17 Disember	Majlis Anugerah Usahawan Sempena Ulang Tahun ke-20 SME Bank	Renaissance Kuala Lumpur Hotel
18 Disember	<i>Kazakhstan Networking Session Within The Framework of MIHAS 2025</i>	MITEC
18 Disember	<i>Gather of Achiever: Christmas Celebration & Year End Sale</i>	Pavilion Bukit Jalan
18 Disember	<i>Connect 8.0 Business Networking & Fundraising</i>	Rekaspace, Cyberjaya
19 Disember	Mesyuarat bersama Ahli: <i>Celmonze</i>	Petaling Jaya
21 Disember	<i>Annual Mini Concert & Graduation Day 2025 The Little Caliphs</i>	Batang Kali
20-21 Disember	Kursus Bakal Perunding Francais	Tamu Hotel and Suites KL
30 Disember	Mesyuarat bersama Kyochon Chicken	Puchong
30 Disember	<i>Eurogain Awareness Talks (EAT)</i>	Eurogain HQ

PENYATA KEWANGAN


Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

- ❖ Laporan Prestasi Kewangan
- ❖ Maklumat Persatuan
- ❖ Laporan Berkanun Jawatankuasa Utama
- ❖ Akuan Berkanun
- ❖ Laporan Juruaudit Bebas
- ❖ Penyata Kedudukan Kewangan
- ❖ Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
- ❖ Penyata Perubahan dalam Ekuiti
- ❖ Penyata Penerimaan & Pembayaran
- ❖ Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN


Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Persatuan Francais Malaysia (MFA) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 kekal stabil dan mencatatkan peningkatan positif dengan merekodkan lebih pendapatan sebanyak RM71 ribu, berbanding RM42 ribu pada tahun 2024. Peningkatan ini mencerminkan keberkesanan pengurusan kewangan Persatuan, kepelbagaian sumber pendapatan serta keupayaan MFA melaksanakan program-program pembangunan industri secara mampan.

Prestasi ini menunjukkan MFA terus mengekalkan kedudukan kewangan yang sihat walaupun berhadapan dengan peningkatan kos operasi dan pelaksanaan program, sekali gus membolehkan Persatuan terus melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi manfaat kepada ahli dan pembangunan industri francais negara.



PENDAPATAN

Pada tahun 2025, Persatuan Francais Malaysia (MFA) mencatatkan Jumlah pendapatan MFA bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM6.848 juta, meningkat sebanyak RM190 ribu (3%) berbanding RM6.658 juta pada tahun 2024. Dalam tempoh yang sama, jumlah perbelanjaan meningkat secara terkawal sebanyak RM161 ribu (2%) kepada RM6.777 juta berbanding RM6.616 juta pada tahun sebelumnya. Butiran terperinci mengenai pendapatan bagi tahun 2025 dan 2024 adalah seperti berikut:



Butiran Pendapatan	(RM'000)		Varian	
	2025	2024	RM	%
Keahlian	413	398	15	4%
Kursus dan Seminar	54	200	-146	-73%
Pengurusan Acara	2,632	2,729	-97	-4%
Pelbagai Pendapatan	3,700	3,314	386	12%
Keuntungan Simpanan Tetap	49	18	31	178%
Jumlah Pendapatan	6,848	6,658	190	3%

Keahlian

Pendapatan keahlian adalah sebanyak RM413 ribu pada tahun 2025 berbanding RM398 ribu pada 2024. Yuran keahlian mencatatkan kenaikan sebanyak RM15 ribu (4%) pada tahun semasa berbanding tahun kewangan lepas. Pendapatan keahlian kekal stabil walaupun MFA melaksanakan Program Pemutihan Keahlian sepanjang tahun 2025 bagi meningkatkan ketepatan data keahlian dan pematuhan tadbir urus. Program ini memberi kesan kepada jumlah keahlian berdaftar namun tidak menjejaskan sumbangan keseluruhan pendapatan keahlian kepada Persatuan

Kursus dan Seminar

Pendapatan keseluruhan bagi yuran kursus dan seminar menunjukkan penurunan sebanyak RM146 ribu (73%) iaitu RM54 ribu berbanding RM200 ribu pada 2024. Yuran kursus dan seminar menyumbang sebanyak 1% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa. Bagi tahun 2025, 2 taklimat dan 3 program latihan telah dilaksanakan iaitu 2 sesi Franchise Insight Session (FIS), 2 program Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF) dan 1 Kursus Persediaan Bakal Francaisor (KPF). Berbanding tahun 2024, sejumlah 9 kursus telah dilaksanakan iaitu 5 Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF) 2 Kursus Persediaan Bakal Francaisor (KPF) dan 2 Kursus Persediaan Perunding Francais (KPPF). Penurunan ini disebabkan oleh penyusunan semula pelaksanaan program latihan yang memberi tumpuan kepada program pembangunan profesional dan pengantarabangsaan seperti Certified Franchise Executive (CFE), webinar pasaran antarabangsa di bawah Enhanced Franchise Development Programme (EFDP).

Pengurusan Acara

Pendapatan semasa menunjukkan penurunan yang tidak ketara sebanyak RM97 ribu (4%) berbanding tahun 2024 hasil daripada perlaksanaan 2 acara MFA iaitu Franchise International Malaysia 2025 (FIM2025) yang merangkumi program pameran, konvensyen dan peluang padanan perniagaan, serta Malam Anugerah Francais 2025 (MAF2025). Penurunan tidak ketara ini disebabkan oleh pengurangan jumlah acara yang dilaksanakan pada tahun semasa berbanding tahun sebelumnya yang turut menyumbang kepada penjanaan pendapatan keseluruhan persatuan.

Program FIM2025 ini menarik penyertaan daripada 14 negara (berbanding 16 pada tahun 2024) dengan peluasan dewan pameran kepada 244 reruai berbanding hanya 204 tahun sebelumnya. Kesemua acara ini telah menjana pendapatan sebanyak RM 2.632 juta, bersamaan 38% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MFA. Manakala pada tahun 2024, 4 acara telah dilaksanakan iaitu Franchise International Malaysia 2024 (FIM2024) dan Malam Anugerah Francais 2024 (MAF2024), Franchise Bowling Tournament 2024 (FBT2024) dan National Franchise Expo 2024 (NFX2024) di Kedah dengan jumlah pendapatan sebanyak RM 2.729 juta, bersamaan 41% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MFA.

Walaupun jumlah acara utama berkurangan berbanding tahun sebelumnya, FIM2025 berjaya merekodkan peningkatan penyertaan antarabangsa, peluasan ruang pameran kepada 244 reruai dan penglibatan 14 negara, sekali gus mengekalkan sumbangan signifikan pengurusan acara kepada pendapatan Persatuan

Pelbagai Pendapatan

Pelbagai pendapatan MFA meningkat sebanyak RM386 ribu (12%) kepada RM3.7 juta berbanding RM3.314 juta pada tahun 2024. Pelbagai pendapatan ini merangkumi pendapatan daripada program kerjasama dan lain-lain pendapatan dimana pendapatan program kerjasama adalah sebanyak RM3.421 juta dan lain-lain pendapatan adalah sebanyak RM279 ribu.

Lain-lain pendapatan meningkat RM127 ribu bersamaan 84% kepada RM279 ribu berbanding RM152 ribu pada tahun 2024. Lain-lain pendapatan ini menyumbang 4% daripada keseluruhan pendapatan merangkumi yuran penyertaan program *International Expansion Trade Mission* (IETM) Filipina dan Singapura, yuran pengurusan media dan penerimaan dividen akaun semasa dan pelaburan jangka pendek.


Program kerjasama terus menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan Persatuan dengan sumbangan sebanyak 50% daripada keseluruhan pendapatan. Peningkatan ini mencerminkan keyakinan berterusan pihak kerajaan terhadap keupayaan MFA sebagai badan pelaksana program pembangunan industri francais di peringkat nasional dan antarabangsa. Pada tahun 2025, pendapatan program kerjasama meningkat RM259 ribu bersamaan 8% kepada RM3.421 juta berbanding RM3.162 juta pada tahun 2024 dan telah menyumbang sebanyak 50% kepada pendapatan keseluruhan. Sebanyak 14 program kerjasama telah dilaksanakan pada 2025 dibawah Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFPD) iaitu 2 bengkel EFPD pada bulan Januari dan Februari, program Franchise In Buying Mission (FIBM) dan ASEAN Franchise Convention (AFC) pada bulan Mei, Certified Franchise Executive (CFE) pada bulan Mei, September, Oktober dan November, Pameran Franchise Antarabangsa di Shanghai, Osaka dan Jakarta, pelaksanaan program Specialise Business Mission (SBM) ke Almaty, Kazakhstan pada bulan September dan ke Dubai, UAE pada bulan November dan kos kajian program.

Keuntungan Simpanan Tetap

Keuntungan simpanan tetap mengalami peningkatan sebanyak RM31 ribu (178%) kepada RM49 ribu berbanding RM18 ribu pada tahun 2024.

PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan mengalami peningkatan sebanyak RM161 ribu (2%) iaitu RM6.777 juta pada 2025 daripada RM6.616 juta pada 2024 sejajar dengan pertambahan program dan aktiviti serta peningkatan kos pelaksanaan tahun semasa. Butiran lanjut serta analisis kewangan seperti berikut:



Butiran Perbelanjaan	(RM'000)		Varian	
	2025	2024	RM	%
Keahlian	118	68	50	74%
Kursus dan Seminar	40	158	-118	-75%
Pengurusan Acara	1,727	1,924	-197	-10%
Pelbagai Perbelanjaan	3,483	3,125	358	11%
Pentadbiran	1,409	1,341	68	5%
Jumlah Perbelanjaan	6,777	6,616	161	2%

Keahlian

Perbelanjaan keahlian menunjukkan peningkatan RM50 ribu (74%) kepada RM118 ribu berbanding RM68 ribu pada tahun kewangan yang lepas. Peningkatan ini disumbangkan oleh perbelanjaan bagi bahan promosi keahlian, peruntukan hutang lapuk tahun semasa serta pelaksanaan inisiatif baharu yang membolehkan setiap ahli MFA yang sah menerima satu (1) penyertaan percuma ke Malam Anugerah Francais Malaysia 2025 sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan nilai dan manfaat keahlian. Pada tahun 2025, 2 program keahlian telah dilaksanakan iaitu 1 program Teh Tarik pada bulan

April dan 1 program BizConnect pada Disember sebagai platform interaksi, perkongsian maklumat serta pengukuhan jaringan hubungan dalam kalangan ahli Persatuan.

Kursus & Seminar

Perbelanjaan pelaksanaan kursus dan seminar pada 2025 menunjukkan penurunan ketara sebanyak RM118 ribu (75%) kepada RM40 ribu daripada RM158 ribu pada 2024. Penurunan ini adalah selaras dengan pengurangan bilangan program latihan yang dianjurkan secara langsung oleh MFA, daripada sembilan (9) program pada tahun 2024 kepada lima (5) program yang terdiri daripada dua (2) sesi taklimat dan tiga (3) program latihan pada tahun 2025. Walau bagaimanapun, MFA telah memberi tumpuan kepada pelaksanaan program pembangunan kapasiti industri melalui pendekatan kerjasama strategik dan program latihan pengantarabangsaan Certified Franchise Executive (CFE),

Pengurusan Acara

Perbelanjaan bagi pengurusan acara menunjukkan penurunan RM197 ribu bersamaan 10% kepada RM1.727 juta daripada RM1.924 juta pada tahun 2024 disebabkan perbezaan jumlah acara yang dilaksanakan iaitu 2 acara pada tahun 2025 dan 4 acara pada tahun 2024.

Pelbagai Perbelanjaan

Perbagai perbelanjaan mencatatkan peningkatan RM358 ribu (11%) pada tahun 2025 kepada RM3.483 juta daripada RM3.125 juta pada 2024. Pelbagai perbelanjaan merangkumi kos lain-lain belanja dan program kerjasama.

Perbagai perbelanjaan mencatatkan peningkatan pada tahun 2025 sebanyak RM56 ribu iaitu kepada RM699 ribu daripada RM643 ribu pada 2024. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh kos penglibatan MFA dalam Mesyuarat APFC & WFC di Amerika Syarikat dan Indonesia, pelaksanaan program IETM ke Filipina dan Singapura, penerbitan majalah *Franchise Mind*, aktiviti promosi dan publisiti, pelaksanaan program *International Business Trip* dan juga lawatan kerja bersama Timbalan Perdana Menteri ke London dan Jakarta, Indonesia serta penyelesaian kos berkaitan MFSB.

Perbelanjaan program kerjasama pada 2025 pula meningkat RM302 ribu (12%) kepada RM2.784 juta daripada RM2.482 juta adalah dipengaruhi oleh pelaksanaan program yang dianjurkan. Perbezaan perbelanjaan antara tahun 2025 dan 2024 turut dipengaruhi oleh variasi jenis program yang dilaksanakan serta peningkatan kos pelaksanaan semasa.

Perbelanjaan ini adalah selaras dengan peranan MFA dalam memperkukuh jaringan kerjasama strategik, meningkatkan keterlihatan industri francais Malaysia di peringkat antarabangsa serta menyokong usaha pengembangan pasaran dan pembangunan industri secara berterusan.

Pentadbiran

Perbelanjaan pentadbiran merangkumi perbelanjaan bagi hal ehwal Persatuan, hal ehwal Jawatankuasa Utama, Sumber Manusia serta belanja operasi. Pada tahun 2025, perbelanjaan pentadbiran meningkat sebanyak RM68 ribu bersamaan 5% kepada RM1.409 juta berbanding RM1.341 juta pada tahun 2024 disebabkan oleh kenaikan kos sumber manusia, pengurusan dan pentadbiran Jawatankuasa Utama serta keperluan operasi Persatuan yang menyokong pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun.

Walaupun berlaku peningkatan perbelanjaan, MFA terus mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemah dengan memastikan setiap perbelanjaan memberikan nilai tambah kepada ahli, menyokong pelaksanaan program pembangunan industri serta memperkukuh keupayaan MFA dalam melaksanakan peranannya di peringkat nasional dan antarabangsa.

JUMLAH ASET

Jumlah aset MFA pada tahun 2025 berjumlah RM3.277 juta, menurun sebanyak RM857 ribu (21%) berbanding RM4.134 juta pada tahun 2024. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan pegangan tunai dan persamaan tunai serta penurunan dalam kategori pelbagai penghutang, deposit dan prabayar.

Selain itu, pengurangan baki pelbagai penghutang turut dipengaruhi oleh penyelesaian kos berkaitan MFA Franchise Sdn. Bhd. yang telah dilunaskan sepenuhnya pada penghujung tahun kewangan 2025.

a) Yuran Keahlian Belum Terima

Yuran keahlian belum terima tahun 2025 meningkat sebanyak RM38 ribu (46%) kepada RM120 ribu berbanding RM82 ribu pada tahun 2024. Baki ini merupakan jumlah bersih selepas mengambil kira peruntukan hutang lapuk bagi memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai kedudukan kewangan MFA.

Peruntukan hutang lapuk disemak secara berkala berdasarkan polisi kewangan Persatuan dan mengambil kira kebarangkalian kutipan. Peningkatan tunggakan pada tahun semasa adalah sejajar dengan pertambahan invois yang dikeluarkan serta faktor masa penerimaan bayaran daripada ahli. MFA terus melaksanakan pemantauan dan tindakan susulan secara berterusan bagi memastikan kadar kutipan keahlian berada pada tahap yang memuaskan.

b) Yuran Kursus dan Seminar Belum Terima

Yuran kursus dan seminar belum terima menurun sebanyak RM1,130 (7%) kepada RM 16 ribu berbanding RM17 ribu pada akhir tahun 2024. Penurunan ini menunjukkan prestasi kutipan yang lebih baik bagi program latihan dan seminar yang dianjurkan oleh MFA..

c) Yuran Acara Belum Terima

Yuran acara belum terima menunjukkan peningkatan sebanyak RM61 ribu (55%) kepada RM170 ribu berbanding RM109 ribu pada 2024. Peningkatan ini disebabkan pengeluaran invois lebih awal bagi penyertaan program FIM2026 pada penghujung tahun kewangan 2025.

d) Pegangan tunai

Jumlah pegangan tunai, termasuk simpanan tetap serta baki tunai di bank dan di tangan, berjumlah RM2.145 juta pada tahun 2025 berbanding RM2.857 juta pada tahun 2024, iaitu penurunan sebanyak RM712 ribu (25%).

Penurunan ini mencerminkan penggunaan dana kementerian bagi membiayai pelbagai program pembangunan industri, aktiviti operasi dan komitmen semasa Persatuan. Walau bagaimanapun, MFA terus mengekalkan kedudukan tunai yang kukuh bagi memastikan kelancaran operasi dan pelaksanaan program-program strategik pada masa hadapan.

JUMLAH LIABILITI

Jumlah liabiliti MFA pada tahun 2025 berjumlah RM1.737 juta, menurun sebanyak RM928 ribu (35%) berbanding RM2.665 juta pada tahun 2024. Penurunan ini didorong terutamanya oleh pengurangan baki hasil terdahulu dan beberapa komitmen kewangan yang telah diselesaikan sepanjang tahun.

a) Hasil Terdahulu

Hasil terdahulu merangkumi dana dan peruntukan yang diterima daripada kementerian serta agensi kerajaan bagi pelaksanaan program pembangunan industri francais yang akan dilaksanakan pada tempoh kewangan berikutnya.

Sebahagian besar baki hasil terdahulu adalah berkaitan dengan program-program pembangunan francais yang dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama kerajaan, termasuk inisiatif yang bertujuan memperkukuh daya saing francais tempatan dan memperluaskan peluang pengembangan perniagaan di dalam serta luar negara.

b) Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang

Jumlah pemiutang mencatatkan peningkatan sebanyak RM164 ribu (73%), kepada RM388 ribu berbanding RM224 ribu pada tahun 2024. Peningkatan ini melibatkan sebahagian besarnya invois dan komitmen yang diterima pada penghujung tahun kewangan dan masih dalam tempoh kredit. Semua komitmen tersebut dijangka dapat diselesaikan mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan dan berada dalam kawalan kewangan Persatuan.

Secara keseluruhannya, kedudukan aset dan liabiliti MFA pada tahun 2025 kekal stabil dengan tahap kecairan tunai yang memadai serta komitmen kewangan yang terkawal. Pengurusan aset, liabiliti dan aliran tunai yang berhemah membolehkan MFA terus mengekalkan kestabilan kewangan organisasi dalam menyokong pelaksanaan program pembangunan industri, pengukuhan keahlian serta inisiatif strategik di peringkat nasional dan antarabangsa.

MOHAMAD AZWANI ASA'D

Bendahari Agung

25 Mei 2025

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

MAKLUMAT PERSATUAN

JAWATANKUASA UTAMA

Datuk Dr. Radzali Hassan	Pengerusi
Dato' Zahriah Abdul Kadir	Naib Pengerusi
Deric Yeo Chin Lee	Naib Pengerusi
Kairul Azman Mohd Yusoh	Setiausaha Agung
Khalek Awang	Penolong Setiausaha
Mohamad Azwani Asa'd	Bendahari Agung
Terry Lim	Penolong Bendahari
Daniel Sim Lim Kit	Jawatankuasa Utama
Jacky Lim Kheng Aun	Jawatankuasa Utama
Wong Jin Nee	Jawatankuasa Utama
Damian Yeo	Jawatankuasa Utama
Kevan Ong	Jawatankuasa Utama
Pengiran Muhammad 'Adil Bin Awang	Jawatankuasa Utama
Iskanderdzulkarnein	
Fatin Muzfirah Ahmad Shauhada	Jawatankuasa Utama
Adila Sabri Bin Muhammad	Jawatankuasa Utama
Fairuz Abdul Halim	Jawatankuasa Utama
Claudia Ng	Jawatankuasa Utama

PEJABAT BERDAFTAR

Unit 3A-9, Eco Sky
No.972, Batu 6 ½
Jalan Ipoh
68100 Kuala Lumpur

BANK

Maybank Islamic Berhad
Tingkat 1, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

RHB Islamic Bank Berhad

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad


JURUAUDIT

JAMAL, AMIN & PARTNERS
Chartered Accountants
No. 62-1, 1st Floor, Jalan 2/23A
Off Jalan Genting Klang
Taman Danau Kota, Setapak
53300 Kuala Lumpur

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)


LAPORAN BERKANUN JAWATANKUASA UTAMA

Kami, bagi pihak jawatankuasa utama mewakili PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat jawatankuasa utama, penyata kewangan di mukasurat 55 hingga 67 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA pada 31 Disember 2025 dan hasil kendaliannya serta perubahan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.




DATUK DR. RADZALI HASSAN

Pengerusi



KAIRUL AZMAN MOHD YUSOH

Setiausaha Agung



MOHAMAD AZWANI ASA'D

Bendahari

Kuala Lumpur

Tarikh : 25 May 2026

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

AKUAN BERKANUN

Saya, MOHAMAD AZWANI ASA'D, (NRIC: 660817-08-5541) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA, dengan ikhlas mengakui bahawa penyata kewangan di mukasurat 55 hingga 67 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960

Sebenar dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas MOHAMAD AZWANI ASA'D,)
di Kuala Lumpur pada **2 5 MAY 2026**)

.....
MOHAMAD AZWANI ASA'D

Dihadapan saya,



No. 58-1, Tingkat 1 Jalan Wangsa Setia 3
Wangsa Melawati 53300 Kuala Lumpur

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

(Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Audit ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA, yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2025, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, serta polisi-polisi perakaunan yang penting, seperti yang dikemukakan pada mukasurat 55 hingga 67.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Persatuan pada 31 Disember 2025, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian dan keperluan Akta Pertubuhan 1966.

Asas Bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian diuraikan dengan lanjut dalam Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit seksyen Penyata Kewangan laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami bebas daripada Persatuan ini mengikut *Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Perlakuan dan Amalan)* Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi *kod Etika Akauntan untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa)* ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit yang Berkaitan

Para Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan bertanggungjawab untuk maklumat-maklumat yang lain. Maklumat-maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Ahli Jawatankuasa Utama tetapi tidak termasuk penyata kewangan Persatuan dan laporan audit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Persatuan tidak meliputi Laporan Lembaga Jawatankuasa Utama dan kami tidak memberi sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Samb.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

(Ditubuhkan di Malaysia)

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Atas Juruaudit (Samb.)

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Persatuan, tanggungjawab juruaudit adalah untuk membaca Laporan Ahli Jawatankuasa Utama dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Ahli Jawatankuasa Utama tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Persatuan atau dengan pengetahuan kami yang diperolehi ketika audit, atau sebaliknya memberi salahnyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan Ahli Jawatankuasa Utama, kami dikehendaki melaporkan hakikat itu. Kami tidak menemui apa-apa untuk dilaporkan mengenai hal ini.

Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Utama terhadap Penyata Kewangan

Penyediaan dan pembentangan yang memberi gambaran benar dan saksama penyata kewangan adalah tanggungjawab para Ahli Lembaga Jawatankuasa Utama Persatuan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan Akta Pertubuhan 1966 di Malaysia. Ahli Jawatankuasa Utama juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman memandangkan keputusan jawatankuasa utama adalah perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Persatuan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Persatuan, Ahli Jawatankuasa Utama bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Persatuan untuk terus beroperasi secara berterusan, mendedahkan, sekiranya yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan usaha berterusan bagi asas perakaunan melainkan jika Ahli Jawatankuasa Utama sama ada berhasrat untuk membubarkan Persatuan atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi perlu berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Matlamat kami adalah untuk mendapatkan keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Persatuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada akibat penipuan atau kesilapan dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi tetapi tidak menjamin bahawa kerja audit yang dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh berlaku hasil daripada penipuan atau kesilapan dan dikira ketara jika, secara berasingan atau secara terkumpul, ianya secara munasabah dijangka akan memberikan kesan kepada keputusan ekonomi yang dilakukan pengguna yang diambil berdasarkan maklumat penyata kewangan ini.

Samb.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

(Ditubuhkan di Malaysia)

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (Samb.)

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang proses pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Persatuan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, membuat dan melaksanakan prosedur audit bertindak balas kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengabaian yang disengaja, gambaran yang salah, atau melanggar kawalan dalaman.
- Memahami kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi mencipta prosedur audit yang sewajarnya dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Persatuan.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah.
- Menyimpulkan tentang kewajaran asas usaha berterusan perakaunan yang digunakan oleh para pengarah, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, adakah ketidakpastian wujud berkenaan dengan peristiwa atau keadaan yang berkemungkinan boleh menimbulkan keraguan yang besar keatas keupayaan Persatuan untuk sentiasa berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa terdapat ketidakpastian yang ketara wujud, kami adalah dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruadit dan di dalam nota-nota yang berkaitan dalam penyata kewangan Persatuan atau, jika nota-nota tersebut tidak mencukupi, perlulah mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami berdasarkan bukti-bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan audit dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin akan menyebabkan Persatuan tidak berupaya meneruskan operasi berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Persatuan, termasuk nota-nota, dan sama ada penyata kewangan menunjukkan transaksi dan peristiwa yang berlaku dengan cara menunjukkan pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ali Jawatankuasa dan wakilnya berkenaan, antara yang lain, skop dan masa pengauditan yang dirancang dan kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang telah kami kenalpasti semasa pengauditan.


No pendaftaran: PPM-003-14-30081994

Samb.


LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di Malaysia)

Lain-lain perkara

Laporan ini dibuat hanya untuk Persatuan, sebagai satu badan, selaras dengan Akta Persatuan 1966, di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan mengambil tanggungjawab terhadap pihak-pihak lain bagi kandungan laporan ini.



JAMAL, AMIN & PARTNERS
(No.: AF 1067)
Akauntan Bertauliah



AHMAD FIRDAUS BIN NASIR
(No.: 3843/07/26(J))
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

Tarikh : 25 May 2026

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	155,181	225,463
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		155,181	225,463
ASET SEMASA			
Yuran Ahli dan Bayaran Proses Belum Terima		120,274	82,477
Yuran Kursus dan Seminar Belum Terima		16,162	17,292
Yuran Acara Belum Terima		169,710	109,141
Yuran Pelbagai Belum Terima		296,751	192,357
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	4	373,111	649,744
Tunai dan Persamaan Tunai	5	2,145,319	2,857,161
JUMLAH ASET SEMASA		3,121,327	3,908,172
JUMLAH ASET		3,276,508	4,133,635
EKUITI			
Lebihan Berkumpul		1,539,745	1,468,500
JUMLAH EKUITI		1,539,745	1,468,500
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	6	163,041	70,537
Hasil Terdahulu	7	1,348,809	2,441,505
Pelbagai Pemiutang	8	224,913	153,093
JUMLAH LIABILITI SEMASA		1,736,763	2,665,135
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		3,276,508	4,133,635

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

		2025	2024
	NOTA	RM	RM
PENDAPATAN			
Yuran Ahli dan Bayaran Proses		413,192	398,037
Yuran Kursus dan Seminar		54,361	199,957
Yuran Acara		2,631,874	2,728,697
Pelbagai Pendapatan	9	3,699,677	3,313,602
Keuntungan Simpanan Tetap		49,004	17,647
		6,848,108	6,657,940
TOLAK : PERBELANJAAN			
Belanja Keahlian		117,889	67,907
Belanja Kursus dan Seminar		40,017	158,477
Belanja Acara		1,726,767	1,923,984
Pelbagai Belanja	10	3,483,114	3,124,759
Belanja Pentadbiran	11	1,409,076	1,341,133
		6,776,863	6,616,260
LEBIHAN PENDAPATAN		71,425	41,680

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

KUMPULAN WANG TERKUMPUL	<u>Lebihan Terkumpul</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
Baki pada 1 Januari 2024	1,426,820	1,426,820
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	41,680	41,680
Baki pada 1 Januari 2025	1,468,500	1,468,500
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	71,245	71,245
Baki pada 31 Disember 2025	<u>1,539,745</u>	<u>1,539,745</u>

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan Sebelum Cukai		71,245	41,680
Pelarasan Bagi:			
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		90,713	98,934
Pendapatan Faedah		(17,647)	(17,647)
Rugi atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		-	40,223
Tunai dijana Daripada Aktiviti Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		144,311	163,190
(Penambahan) / Pengurangan			
Yuran Ahli dan Bayaran Proses Belum Terima		(37,797)	19,574
Yuran Kursus dan Seminar Belum Terima		1,130	11,305
Yuran Acara Belum Terima		(60,569)	664,473
Yuran Pelbagai Belum Terima		(104,394)	(60,447)
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar		276,633	362,578
Penambahan / (Pengurangan):			
Pemiutang		92,504	(174,847)
Hasil Terdahulu		(1,092,696)	(485,352)
Pelbagai Pemiutang		71,820	(151,693)
Aliran Tunai Yang (Digunakan Dalam) / Dijana Daripada Aktiviti Operasi		(709,058)	348,781
Faedah Diterima		17,647	17,647
Tunai Bersih Yang (Digunakan Dalam) / Dijana Daripada Aktiviti Operasi		(691,411)	366,428
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(20,431)	(106,197)
Tunai Bersih Yang Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan		(20,431)	(106,197)
(PENGURANGAN) / PENAMBAHAN BERSIH TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI		(711,842)	260,231
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		2,857,161	2,596,930
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	5	2,145,319	2,857,161

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

NOTA 1 AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Persatuan adalah membantu membangunkan industri francais untuk mewujudkan ekosistem industri francais yang mampan dan eksklusif, memberi kesedaran dan mempromosikan industri francais melalui penyelidikan & pendidikan, promosi dan perhubungan awam, perhubungan kebangsaan & antarabangsa, pengurusan acara dan pembangunan perniagaan.

NOTA 2 DASAR – DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Persatuan telah disediakan mengikut Akta Pertubuhan 1966 dan mematuhi piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ("MERS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") dan keperluan Akta Pertubuhan 1966.

(b) Hartanah, dan Peralatan

Hartanah dan Peralatan dinyatakan pada kos dan ditolak susutnilai terkumpul.

Susutnilai diperuntukkan atas kos setiap aset dengan ansuran bulanan tahunan yang sama sepanjang anggaran tempoh penggunaannya.

Kadar susutnilai adalah seperti berikut:

	%
Komputer	40%
Ubahsuai Pejabat	15%
Peralatan Pejabat	10%
Perabot dan kelengkapan	10%
Papan Tanda	10%

Samb.

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

NOTA 2 DASAR – DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(c) **Asas Pendapatan Yuran Ahli**

Yuran ahli adalah diambil kira berdasarkan kepada asas akruan dan butirannya seperti berikut:

Kategori Ahli	Jenis Ahli	Yuran Tahunan (RM)
Ahli Biasa	Francaisor	2,000
	Francaisi Induk	2,000
	Institusi Sokongan	2,000
	Francaisi	200
Ahli Bersekutu	Bakal Francaisor	1,000
	Bakal Francaisi Induk	1,000
	Institusi Sokongan	1,000
	Bakal Francaisi	300
Ahli Pelajar	Diploma/ Sarjana Muda	50
	Sarjana/ PHD	150
Ahli Antarabangsa		2,000
Ahli Seumur Hidup	Syarikat	30,000
	Individu	15,000

Kedah prorata bagi yuran keahlian akan dilaksanakan sekiranya ahli mendaftar atau menamatkan keahlian pada pertengahan tahun kewangan.

(d) **Penerimaan**

Penerimaan di bawa pada nilai perolehan yang dijangka. Anggaran dibuat bagi penerimaan yang meragukan berasaskan semakan semula semua jumlah tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapuskan pada tahun kewangan ia dikenalpasti.

Polisi Peruntukkan Hutang Lapuk seperti berikut:

- Peruntukkan khas - Semua tunggakan hutang melebihi tiga tahun
- Peruntukkan am - 5% daripada tunggakan hutang kurang daripada tiga tahun

(e) **Tunai dan Bersamaan Tunai**

Tunai dan bersamaan tunai meliputi wang tunai dalam tangan, baki bank, deposit permintaan, overdraf bank dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukar kepada jumlah wang tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

Samb.

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

NOTA 2 DASAR – DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(f) Kemerosotan Nilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Persatuan menyemak nilai simpanan aset selain daripada inventori bagi menentukan sama ada terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin merosot. Sekiranya wujud petunjuk-petunjuk tersebut, kemerosotan nilai aset akan diukur semula dengan membandingkan nilai simpanan aset dengan nilai yang boleh diperolehi semula.

Nilai boleh diterima adalah nilai yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih atau nilai digunakan, dimana ianya dikira berdasarkan aliran tunai hadapan didiskaunkan. Nilai boleh terima dianggarkan bagi nilai aset atau, jika tidak boleh, bagi unit penghasilan tunai.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Kerugian rosotnilai dianggap sebagai kurangan hingga ke tahap penilaian yang terdahulu bagi aset tersebut.

Peningkatan nilai berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi aset sebagai penerbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktiraf sebagai tahap nilai simpanan aset akan ditentukan (bersih dari pelunasan dan susutnilai) sekiranya tidak ada kerugian kemerosotan telah diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian.

Jika kerugian rosotnilai pada aset tersebut telah diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan sebelum ini, penerbalikan itu diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan sehingga tahap yang diiktiraf sebagai belanja sebelum ini.

(g) Penghutang dan Pelbagai Penghutang

Penghutang dan pelbagai penghutang dibawa sebagai nilai jangkaan yang boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan apabila telah dikenalpasti. Satu jangkaan dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kajian ke atas jumlah yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbangan.

(h) Pemiutang, Pelbagai Pemiutang dan Akruan

Pemiutang, pelbagai pemiutang dan akruan dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama bagi pertimbangan yang akan dibayar di masa depan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

Samb.

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

NOTA 2 DASAR – DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(i) **Manfaat Pekerja**

i) **Manfaat pekerja jangka Pendek**

Gaji, upah, bonus, elaun, cuti berbayar, cuti perubatan dan manfaat bukan berupa kewangan adalah direkod sebagai belanja pada tahun kewangan dimana pekerja tersebut berkhidmat untuk Persatuan.

ii) **Takrif Pelan Sumbangan**

Syarikat-syarikat di Malaysia, mengikut undang-undang, perlu menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan ini direkod sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan Persatuan mengikut tahun yang berkaitan

iii) **Manfaat Penamatan**

Manfaat penamatan bagi pekerja adalah diambil kira apabila sama ada perjanjian telah ditandatangani dan syarat-syarat tertentu atau setelah individu pekerja itu telah diberitahu mengenai terma dan syarat.

Samb.

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

NOTA 3: HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2025

KOS	Baki Pada 01/01/2025 RM	Tambahan RM	Pengurangan RM	Baki Pada 31/12/2025 RM
Komputer	49,720	17,145	-	66,865
Peralatan Pejabat	68,922	936	-	69,858
Perabot & Kelengkapan	64,588	2,350	-	66,938
Ubahsuai Pejabat	501,018	-	-	501,018
Papan Tanda	9,700	-	-	9,700
	<u>693,948</u>	<u>20,431</u>	<u>-</u>	<u>714,379</u>

SUSUTNILAI TERKUMPUL	Baki Pada 01/01/2025 RM	Tambahan RM	Pengurangan RM	Baki Pada 31/12/2025 RM
Komputer	41,552	6,776	-	48,328
Peralatan Pejabat	48,598	6,080	-	54,678
Perabot & Kelengkapan	36,498	6,020	-	42,518
Ubahsuai Pejabat	337,010	70,867	-	407,877
Papan Tanda	4,827	970	-	5,797
	<u>468,485</u>	<u>90,713</u>	<u>-</u>	<u>559,198</u>

2024

KOS	Baki Pada 01/01/2024 RM	Tambahan RM	Pengurangan RM	Baki Pada 31/12/2024 RM
Komputer	88,271	9,996	(48,547)	49,720
Peralatan Pejabat	68,112	900	90)	68,922
Perabot & Kelengkapan	128,352	7,870	(71,634)	64,588
Ubahsuai Pejabat	493,236	87,431	(79,649)	501,018
Papan Tanda	9,700	-	-	9,700
	<u>787,671</u>	<u>106,197</u>	<u>(199,920)</u>	<u>693,948</u>

No pendaftaran: PPM-003-14-30081994

Samb.

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

NOTA 3: HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

2024

SUSUTNILAI TERKUMPUL	Baki Pada 01/01/2024 RM	Tambahan RM	Pengurangan RM	Baki Pada 31/12/2024 RM
Komputer	80,835	6,761	(46,044)	41,552
Peralatan Pejabat	59,893	6,461	(17,756)	48,598
Perabot & Kelengkapan	64,846	6,331	(34,679)	36,498
Ubahsuai Pejabat	319,816	78,411	(61,217)	337,010
Papan Tanda	3,857	970	-	4,827
	<u>529,247</u>	<u>98,934</u>	<u>(159,696)</u>	<u>468,485</u>

NILAI BUKU BERSIH

	Kos Pada 31/12/2025 RM	Susutnilai Terkumpul 31/12/2025 RM	Nilai Buku Bersih 31/12/2025 RM	Nilai Buku Bersih 31/12/2024 RM
Komputer	66,865	48,328	18,537	8,168
Peralatan Pejabat	69,858	54,678	15,180	20,324
Perabot & Kelengkapan	66,938	42,518	24,420	28,090
Ubahsuai Pejabat	501,018	407,877	93,141	164,008
Papan Tanda	9,700	5,797	3,903	4,873
	<u>714,379</u>	<u>559,198</u>	<u>155,181</u>	<u>225,463</u>

NOTA 4: PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2025 RM	2024 RM
MFA Franchise Sdn Bhd	-	396,683
Deposit Sewa	35,400	35,400
Deposit Utiliti	10,156	10,156
Deposit Lain-Lain	123,759	123,259
Prabayar	203,796	84,246
	<u>373,111</u>	<u>649,744</u>

No pendaftaran: PPM-003-14-30081994

Samb.

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

NOTA 5: TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI

	2025	2024
	RM	RM
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)	17,514	2,065,190
Malayan Banking Berhad	248,493	725
Malayan Banking Berhad – MFA-Tabung Amal Francais	124,808	124,853
RHB Bank Berhad	360,118	87,725
Tunai di tangan	3	1,268
	750,936	2,279,761
Deposit tetap di Institusi Kewangan berlesen:		
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)	1,394,383	377,400
Malayan Islamic Berhad	-	200,000
	1,394,383	577,400
	2,145,319	2,857,161

NOTA 6: PEMIUTANG

	2025	2024
	RM	RM
Acara	11,009	5,019
Program Latihan	4,100	8,200
Lain-Lain Program	147,932	57,318
	163,041	70,537

NOTA 7: HASIL TERDAHULU

	2025	2024
	RM	RM
Pendahuluan Diterima daripada Yuran Keahlian	2,800	2,600
Pendahuluan Diterima daripada Yuran Latihan	6,361	9,154
Pendahuluan Diterima daripada Yuran Acara	63,074	68,279
Program Promosi Francais	1,229,043	2,235,165
Program Lain-Lain	47,531	126,307
	1,348,809	2,441,505

No pendaftaran: PPM-003-14-30081994

Samb.

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

NOTA 8: PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2025	2024
	RM	RM
Belanja Pentadbiran	215,913	145,093
Jamal, Amin & Partners	9,000	8,000
	<u>224,913</u>	<u>153,093</u>

NOTA 9: PELBAGAI PENDAPATAN

	2025	2024
	RM	RM
Yuran Pelbagai	255,841	236,538
Misi Perdagangan dan Pembelajaran	1,173,123	1,825,680
Lain-Lain	2,270,713	1,251,384
	<u>3,699,677</u>	<u>3,313,602</u>

NOTA 10: PELBAGAI BELANJA

	2025	2024
	RM	RM
Belanja APFC / WFC	41,200	291,964
Belanja pelbagai	657,774	350,619
Belanja peruntukan		
Misi perdagangan & pembelajaran	1,104,889	1,619,481
Lain-lain	1,679,251	862,695
	<u>3,483,114</u>	<u>3,124,759</u>

Samb.

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

NOTA 11: BELANJA PENTADBIRAN

	2025	2024
	RM	RM
Belanja Am	10,487	8,035
Belanja Perjalanan & Penginapan	13,189	8,329
Belanja Perubatan	8,047	7,737
Belanja Pos dan Kurier	2,672	4,487
Belanja Mesyuarat	21,770	28,817
Bonus dan Insentif	64,167	3,538
Caj Bank	4,148	2,855
Cetakan dan Alatulis	15,861	13,789
Elaun dan Upah	36,383	44,633
Elektrik dan Air	19,020	18,116
Gaji	792,151	715,716
Insurans Pekerja	422	13,202
Latihan pekerja	8,248	32,080
Uniform pekerja	-	42
KWSP dan SOCSO	115,886	105,503
Mesyuarat Agung Tahunan	68,330	27,596
Pembersihan Pejabat	5,940	5,292
Penyelenggaraan dan Baikpulih	25,044	52,092
Sewa Pejabat	81,600	89,800
Suratkhabar dan Majalah	3,426	143
Susutnilai	90,712	98,934
Telefon, Faksimili dan Internet	12,573	10,888
Yuran Audit	9,000	9,286
Rugi Pelupusan Aset dan Hartanah	-	40,223
	<u>1,409,076</u>	<u>1,341,133</u>

NOTA 12: TARIKH TERBITAN DILULUSKAN

Penyata Kewangan telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Ahli Jawatankuasa Utama pada 25 Mei 2026.